

KOLEKSI KERTAS KERJA

MUFTI

DATO' SYEIKH AZMI BIN AHMAD



HALATUJU INSITIUSI
MASJID



WAKAF



MIMPI



PERANCANGAN
KEHIDUPAN

KOLEKSI KERTAS KERJA

MUFTI

DATO' SHEIKH AZMI BIN AHMAD

Cetakan pertama 2017

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin secara bertulis dari Penerbit.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
KOMTAR, Tingkat 48,
10000 Pulau Pinang
Tel: 04-263 2975 Faks: 04-263 2985
<http://mufti.penang.gov.my>

Rekabentuk / urus cetak:

Dreamworx

NASKAH PERCUMA

KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MS
1	Halacara Institusi Mufti Negeri-Negeri Seluruh Malaysia.	5
2	Pembangunan Tanah Wakaf di Pulau Pinang.	12
3	Pembangunan dan Pengukuhan Islam di Pulau Pinang.	30
4	Nasab dan Kaedah Mensabitkan Nasab Mengikut Hukum Syarak.	43
5	Mimpi Dari Perspektif Islam.	54
6	Peranan Masjid Dalam Pembangunan Ummah.	61
7	Perancangan dan Pelaksanaan Di Dalam Kehidupan.	69



HALACARA INSTITUSI MUFTI
NEGERI-NEGERI
SELURUH MALAYSIA

1. TUJUAN

Kertas ini disediakan untuk menerangkan halacara penyelidikan dan kefatwaan negeri-negeri Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketujuh untuk diselaraskan dan diberi persetujuan.

2. LATAR BELAKANG PELAN TINDAKAN

Untuk merealisasikan pindaan Enakmen Undang-undang Pentadbiran Hal-Ehwal Agama Islam Negeri-negeri Malaysia (Negeri Pulau Pinang 1994) yang dirujukkan kepada peranan yang dimainkan oleh Institusi Mufti dan Jawatankuasa Syariahnya bagi menentukan halacara institusi ini untuk dizahirkan agar lebih mencerminkan kebebasannya perananperanannya serta keberkesanannya dan sekaligus menghapuskan atau membasmikan gejala-gejala penyelewengan, kesesatan dan kejahilan.

I. Halacara yang dimaksudkan ialah :

A. *Penyelidikan*

Kajian dan penyelidikan yang teliti untuk menghasilkan maklumat tepat sebelum mengeluarkan fatwa di atas sesuatu isu (perkara) adalah berasaskan kepada ketepatan fakta/ ketepatan sumber. Jika sekiranya fakta ini tidak tepat dan sumbernya tidak benar sudah tentu akan lahir kecaburan fatwa dan pendapat, mungkin juga kelonggaran dan ketidakwibawa fatwa sama sekali dan akhirnya lahirlah keputusan fatwa itu ditolak terus oleh masyarakat dan negara. Oleh kerana itulah seharusnya diadakan satu bahagian penyelidikan yang kemas yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang berpengalaman juga tenaga sokongan yang mencukupi untuk melakukannya. Penyelidikan itu adalah seperti di bawah ini.

i. Penyelidikan dalam hal-ehwal syariat. Syariat yang



dimaksudkan adalah berbentuk:

- a. Ibadat Khusus.
 - b. Ibadat Umum.
- ii. Muamalat iaitu:
- a. Hal-ehwal nikah kahwin.
 - b. Hal-hal perniagaan.
 - c. Hukum-hakam berkenaan dengan jenayah, sivil dan prosedur mahkamah.
 - d. Hal-ehwal perlumbagaan.
 - e. Perhubungan antarabangsa.
- iii. Bersangkut-paut dengan akhlak, moral dan budi pekerti, individu, masyarakat dan umat.
3. Isu yang banyak bangkit di zaman mutakhir ini adalah berkisar dari segi kefahaman atau ajaran. Dengan itu yang bertanggungjawab khusus dengan hal ini ialah institusi penyelidikan dan fatwa negeri-negeri dan institusi inilah banyak dipersalahkan kerana lambat bertindak, jika bertindak pun tidak berkesan oleh kerana itu dicadangkan pelan bertindak dan pelan tindakannya ialah :
- i. Peringkat Pertama, tahun 1995 untuk membasmi ajaran-ajaran yang menyimpang dan menyeleweng dari akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah seperti Arqam dan Syiah dan lain-lain.
 - ii. Membasmi tarekat yang menyimpang dan menyeleweng, daripada Tasauf Islamiah seperti *Tarekat Naqsyabandiah*, *Khalidiyyah*, *Mujajdidiah*, dan *Ratib Deras* yang dipimpin oleh Hasan Anak Rimau dan tarekat-tarekat yang serupa yang terdapat di Pulau Pinang ini khususnya dan di tempat-tempat yang lain yang luar daripada Pulau Pinang umumnya.

- iii. Peringkat Kedua, tahun 1996 - adalah bermatlamatkan imarah masjid-masjid, surau dan tempat ibadat orang Islam yang lain. Perubahan untuk mengimarahkan tempat-tempat ini adalah dengan membasmikan ajaran-ajaran yang sesat yang mana ada dakwaan sembahyang adalah hanya niat semata-mata bukan perbuatan dan perkataan yang khusus. Di samping itu juga bertujuan untuk membasmikan ke akar umbinya fahaman (anti hadis) ingkar sunnah yang dipimpin di Malaysia ini oleh Kassim Ahmad dan penyokong-penyokongnya.
- iv. Peringkat Ketiga - Mengenengahkan garis panduan untuk membimbang ahli-ahli korporat, ahli koperasi dan badanbadan berkanun dan badan swasta yang lain supaya dapat menghidupkan ekonomi Islam, perubahan-perubahan yang berbentuk pembangunan Islam dan cara-cara muamalah Islam untuk menggantikan institusi-institusi kewangan supaya mengamalkan sistem Islam.
- v. Peringkat Keempat, tahun 1999 - Untuk melahirkan masjid-masjid baru dan qaryah-qaryah baru khususnya di pulau ini, agar masjid-masjid di sebelah sini menjadi masjid yang bersih dan contoh kerana kalau tidak diadakan perubahan yang sedemikian atau digalakkan ke arah mewujudkan qaryah baru maka akan tertutuplah masjid-masjid yang ada di dalam kawasan Pulau Pinang ini seperti mana Masjid Melayu (Acheen Street Mosque) yang sekarang ini kalau tidak dibuat gilirannya maka sudah tentu ahli jemaah masjid yang ada tidak cukup 40 orang. Ini kerana anak qaryah masjid tersebut telah berpindah ke tempat lain atas sebab tekanan hidup dan pendapatan yang meleset. Juga didapati ada beberapa qaryah lagi yang akan terhakis kependudukannya, penutupan masjid mereka kerana perpindahan ahli qaryah itu ke tempat lain kerana desakan hidup tadi. Lama kelamaan tidak ada lagi orang Islam di Pulau Pinang ini maka akan tertutuplah masjid di Pulau Pinang ini. Sesungguhnya pembangunan tanah wakaf umat Islam ini menjadi perhatian dan mendapat liputan yang meluas daripada mass-media

masa kini dan oleh kerana itu satu perancangan yang jitu kemas dan terencana oleh institusi penyelidikan dan kefatwaan Jabatan Mufti Pulau Pinang. Tanggungjawab yang berat itu seharusnya dimainkan oleh Mufti dan pegawai-pegawaiannya. Mudah-mudahan mendapat keberkatan dari Allah SWT dan mendapat sokongan dan dokongan dari semua.

B. Kefatwaan

Fatwa adalah keputusan atau pendapat yang dikeluarkan oleh Mufti berpandukan kepada sumber-sumber hukum yang munasabah yang digunakan oleh Islam dan tidak bersalah dengan maslahah umat seluruhnya, bagi orang awam mazhab mereka adalah fatwa yang dikeluarkan kerana orang awam sudah tentu tidak berupaya untuk merujukkan kepada al-Quran atau sunnah atau kitab-kitab yang muktabar yang lain maka fatwalah yang menjadi pegangan mereka. Fatwa juga boleh dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah negeri masing-masing (Pulau Pinang di bawah Seksyen 36, Pindaan 1994) fatwa itu menjadi ikutan kepada tiap-tiap orang Islam yang bermastautin di dalam negeri itu dalam erti kata lain kenalah mematuhi dan berpegang fatwa itu. Untuk sampai kepada fatwa yang sedemikian beberapa urutan mesti dilalui iaitu:

- i. Penyelidikan seperti yang tersebut di atas.
- ii. Persiapan kertas selidik (Kertas Panduan).
- iii. Membuat persiapan untuk rujukan kepada kitab-kitab yang tertentu yang muktabar (istinbat).
- iv. Melakukan persidangan.
- v. Mengeluarkan fatwa bertulis berpandukan Sistem Syura'.
- vi. Mewartakan fatwa itu.
- vii. Fatwa itu menjadi undang-undang negeri.

4. KUASA-KUASA DAN TANGGUNGJAWAB MUFTI

- i. Mufti atau institusi Mufti adalah penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong (Sultan) dalam semua perkara hukum Syarak dan menjadi Pihak Berkuasa Utama di negeri-negeri tersebut.
- ii. Bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa dan pendapat atas suatu persoalan atau isu atau masalah yang belum lagi terdapat pendapat atau fatwa sebelumnya atau pemandu ulung (rujukan) dalam perkara yang menimbulkan pertikaian atau persoalan mengenai dengan hukum Syarak atau ada hubung kait dengan hukum Syarak.
- iii. Tempat rujuk kepada mahkamah-mahkamah.
- iv. “Tempat untuk mendapat fatwa ataupun pendapat yang terakhir” bagi digunakan oleh siapa-siapa juga hatta Mahkamah Sivil.
- v. Undang-undang memberi keistimewaan kepada Mufti dan jawatankuasanya iaitu mereka tidak boleh disaman untuk memberi pendapat atau keterangan mengenai hukum Syarak di mana-mana juga Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah, hanya mahkamah itu dibolehkan meminta pendapat mereka mengenai persoalan yang berbangkit ataupun Mufti boleh memperakukan pendapat kepada mahkamah yang meminta itu. Hatta jika Mufti berpendapat bahawa tidak ada satu *qaul* yang muktamad daripada mazhab-mazhab yang sah boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang bercanggah dengan kepentingan umum (*maslahah ammah*), Mufti bolehlah memutuskan persoalan itu mengikut hematnya sendiri berlandaskan al-Quran tanpa terikat dengan *qaul* muktamad daripada mana-mana mazhab yang sah itu.



5. PENUTUP

Begitulah pentingnya, institusi Mufti di negeri-negeri seluruh Malaysia ini. Memandangkan kepada kedudukan institusi Mufti itu maka seharusnya ditingkatkan imej para mufti dan institusi Mufti itu kepada imej yang selayaknya dan di sinilah perlu kepada penilaian semula, dokongan dan sokongan dari semua pihak termasuk kerajaan.

Wallahuallam.

PEMBANGUNAN TANAH
WAKAF DI PULAU PINANG

PRINSIP-PRINSIP DALAM
HUKUM SYARAK



PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI PULAU PINANG: PRINSIP-PRINSIP DALAM HUKUM SYARAK

1. PENDAHULUAN

- i. Kata Imam Syafie: Sepanjang yang saya tahu tidak ada orang-orang jahiliah yang mewakafkan tanahnya atau bangunan rumahnya.
(Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, Juzuk 8, muka surat 157).
- ii. Hukum-hukum wakaf sabit melalui ijtihad Fuqaha' yang berpandukan kepada *Al-Istihsan*, *Al-Masalih al-Mursalah Dan Uruf*.

2. TUJUAN

- i. Tujuan kertas kerja ini disediakan adalah untuk memberi suatu gambaran mengenai peranan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk membangunkan tanah-tanah wakaf di negeri ini dan kaitannya dengan pematuhan menurut prinsip-prinsip dan hukum Syarak.
- ii. Selain daripada itu, kertas ini juga akan menjelaskan hal-hal berkaitan dengan takrif wakaf, rukun wakaf, cara perolehan tanah wakaf oleh Majlis, aspek perundangan yang berkaitan dengan wakaf, konsep pembangunan tanah wakaf, isu dan permasalahan wakaf dan contoh-contoh kes wakaf.

3. LATAR BELAKANG PENTADBIRAN WAKAF

- i. Untuk makluman, pelaksanaan ibadah wakaf bukanlah suatu tajuk yang baru di negeri Pulau Pinang malah sejarahnya telah pun bermula sejak kurun kesembilan belas lagi. Kebanyakannya wakaf-wakaf ini telah dilaksanakan oleh orang-orang Islam

yang berada di ketika itu yang terdiri daripada golongan pedagang-pedagang. Di antara wakaf wakaf yang masyhur di negeri ini termasuklah yang mempunyai bidang tanah yang luas serta bangunan-bangunan di persekitaran Bandaraya Georgetown yang kini memiliki nilai yang tinggi mengikut nilaiann harta tanah pasaran semasa. Nama-nama harta tanah wakaf seperti Wakaf Masjid Kapitan Keling, Wakaf Masjid Shaik Eusoff, Wakaf Coopee Amah, Wakaf Masjid Alimsah Waley dan beberapa lagi bukanlah perkara asing khususnya bagi umat Islam di negeri Pulau Pinang.

- ii. Mengikut rekod sejarah, harta tanah wakaf di Pulau Pinang telah ditadbirkan di bawah sistem pentadbiran penjajahan British melalui sebuah badan yang ditubuhkan yang digelar sebagai *Hindu And Muslim Endowment Board* pada kira-kira tahun 1900 Masihi. Lembaga ini juga diketahui mempunyai suatu sistem peraturan khusus berkaitan undang-undang bagi mengambil alih kesemua harta wakaf yang wujud ketika itu di negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai. Segala perolehan harta tanah wakaf dibuat melalui keputusan *Order-In-Council* dan diwartakan di dalam warta gerakan dan seterusnya diserahkan untuk ditadbir oleh lembaga berkenaan. Sebagai makluman terdapat 18 kumpulan wakaf yang melibatkan tanah seluas hampir 90 ekar yang ditadbirkan di bawah lembaga tersebut yang mana hampir 95 peratus daripadanya terletak di sekitar Bandaraya Georgetown.
- iii. Namun demikian, pengambil alihan pentadbiran harta tanah wakaf oleh Majlis hanya bermula agak lewat sedikit dari tarikh berkuatkuasanya Enakmen Majlis. Ini adalah kerana Ordinan *Hindu And Muslim Endowment Board* mengenai pentadbiran harta-harta wakaf masih berkuatkuasa pada ketika itu. Maka dengan sebab inilah, tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk memansuhkan peruntukan ordinan berkenaan



yang menyentuh mengenai kepentingan hal-hal dan subjek wakaf serta kebaikan dan khairat dalam konteks agama Islam. Pengisytiharan pemansuhan terbabit telah pun dilaksanakan oleh pihak berkewajipan dan ianya berkuatkuasa mulai tarikh 1 Januari 1967. Maka atas alasan inilah, pihak Majlis telah pun mengambil inisiatif untuk mewartakan kesemua tanah-tanah wakaf di bawah nama Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai.

4. TAKRIF WAKAF DAN RUKUN WAKAF

- i. **Wakaf** dari segi bahasa membawa maksud *al-Habs*. Ianya bermaksud “tertahan”. Umumnya pengertian wakaf ialah menahan sesuatu yang diwakafkan daripada digunakan untuk jualan, warisan dan hebahan kecuali digunakan pada jalan Allah SWT yakni *Fisabillillah*. Wakaf boleh diklasifikasikan kepada 3 jenis iaitu Wakaf Am, Wakaf Khas dan Wakaf *Taklik*.

Wakaf Am atau dikenali juga sebagai **Wakaf Khairi** iaitu wakaf untuk manfaat umum seperti mendirikan masjid untuk digunakan oleh orang Islam sama ada untuk sembahyang, iktikaf, berzikir dan sebagainya. Ianya juga termasuklah mewakafkan telaga sepertimana yang dilaksanakan oleh Saiyidina Othman r.a. setelah telaga tersebut dibeli olehnya. Daripada Saiyidina Othman r.a, bahwasanya Rasulullah SAW telah bersabda: “*Sesiapa yang mengorek telaga “Rumah” maka baginya syurga*”. Maka kata Saiyidina Othman: “*akulah yang mengoreknya*.” Dari satu riwayat yang disebutkan oleh seorang pengarang bernama Al-Bhagawi: “Sesungguhnya telaga *Rumah* itu adalah untuk seorang lelaki yang dibeli daripada Bani Ghaffar dan dia menggunakan telaga itu dengan nama *Rumah* dan dia telah menjualnya bagi mendekatkan dirinya kepada Allah SWT dengan hanya secupak gandum. Maka kata Nabi SAW kepadanya: “*Adakah kamu menjual itu*

padahal dia adalah harta di dalam syurga?”. Jawabnya ialah: “Ya, Rasulullah SAW, saya tidak ada apa-apa harta begitu juga keluarga saya selain daripada telaga itu, maka sampaikan berita ini kepada Saiyidina Othman lantas beliau membeli telaga itu dengan harga 35,000 dirham”. Kemudian Nabi SAW pergi kepada Saiyidina Othman dan berkata kepadanya: “Apakah engkau akan beri kepada aku,” jawab Saiyidina Othman, “Ya, dan aku jadikan untuk wakaf bagi orang Muslim”.

(*Fiqh as-Sunnah, Sayyid Sabiq, Juzuk 3, muka surat 379*).

- ii. **Wakaf Khas** iaitu wakaf yang diperuntukkan kepada keluarga orang-orang yang tertentu ataupun keturunannya. Ianya juga dikenali sebagai wakaf ahli atau *zurri*.
- iii. **Wakaf Taklik** iaitu orang yang memberi wakaf itu menyebut bahawa ini adalah wakaf selepas “aku meninggal” (seperti terdapat dalam *Nihayat al-Zain fi Irshadi al Mubtadi’n, muka surat 269*). Petikan maksudnya adalah “Tidak sah *mentaklik* wakaf dalam perkara yang “tidak boleh diambil kira” yakni perkara biasa sepetimana contohnya jika sekiranya Zaid datang maka telah aku wakafkan ini, ini kerana wakaf itu adalah satu perjanjian yang membawa maksud memindah hak milik seseorang kepada Allah SWT ataupun kepada sesiapa yang dinyatakan dalam masa itu juga contohnya seperti jual beli atau *hibah*. Tetapi sah *taklik* itu jika dikaitkan dengan mati seperti contohnya “apabila aku mati nanti maka rumah aku ini aku jadikan wakaf kepada” ataupun contohnya: “apabila aku mati nanti maka aku wakafkan akannya” kerana maknanya ketahuilah oleh kamu semua,” aku telah wakafkan akannya, berbeza kalau dia mengatakan “aku mati maka aku wakaf akannya” berbeza dua perkara di atas tadi kerana yang pertama dinamakan wakaf *taklik* dan yang kedua dinamakan *taklik* yang diwakafkan dan yang kedua ini adalah batal kerana dia hanya

berjanji semata-mata. Pendapat ini adalah yang dikemukakan oleh Syed Omar al-Basri.

- iv. Umumnya jika terdapat seseorang yang berkeinginan untuk melaksanakan ibadat wakaf, beliau terpaksa dahulu mengetahui tentang rukun-rukun untuk mewakafkan hartanya. Mengikut konteks Syarak, rukun wakaf dibahagikan kepada empat yakni *Al-Waqif*, *Al-Mauquf*, *Al-Mauquf 'Alaih* dan *Sighah*.
 - a. *Al-Waqif* iaitu sesiapa juga ahli *tabarrur* daripada orang ramai mahupun golongan pemimpin negara yang mewakafkan dari harta Baitulmal seperti untuk membina masjid, mengadakan tanah perkuburan, mendirikan sekolah dan sebagainya.
 - b. *Al-Mauquf* iaitu benda yang diwakafkan sama ada harta alih mahupun harta tak alih. Contohnya harta tak alih termasuklah seperti tanah yang mempunyai geran hak milik yang berasingan *al-Maqsum* mahupun geran berangkai *al-Musha'q*. Juga ianya melibatkan bangunan sama ada diwakafkan keseluruhannya atau sebahagiannya. Petikan daripada Kitab *Raudah al-Tholibin*, karangan *Imam Nawawi*, Juzuk 4, mukasurat 378 menerangkan bahawa "*Al-Mauquf*" adalah tiap-tiap benda tertentu yang dimiliki yang alih mendapat faedah daripadanya dengan disewakkannya. Kami maksud dengan itu ialah hak manfaat dan kami maksudkan dengan wakaf itu tertentu dalam tanggungan sementara harta yang tertentu itu ialah mewakafkan salah seorang hamba yang tertentu dan membezakan di antara dimiliki dan tidak dimiliki. Manakala berpindah pula adalah maksudnya boleh menerima barang yang alih iaitu seperti mana ibu kepada anak yang merdeka. Kemudian maksud kami mendapat faedah iaitu buah-buahan atau susu atau yang seumpamanya dan dimaksudkan dengan

manfaat itu ialah tempat penginapan ataupun pakaian dan seumpamanya. Dan perkataan kami boleh disewakan itu terkeluarlah daripada jenis makanan dan seumpamanya maka kami memperjelaskan akan hal ini dengan beberapa penjelasan. Pertamanya, boleh diwakafkan harta yang tak alih dan juga boleh mewakafkan akan benda yang alih seperti hamba, pakaian, binatang, alat peperangan, al-Quran, kitab-kitab, samalah juga benda yang tak alih sepetimana tanah yang hak milik berasingan ataupun yang berangkai. Begitu juga seperti sebahagian rumah, sebahagian hamba yang tidak boleh diwakafkan itu ialah dibahagi-bahagikan dan separuh ke separuh contohnya dalam perkara *qisas* ataupun *talaq*.

- c. ***Al-Mauquf ‘Alaih*** adalah harta wakaf hendaklah diperuntukkan kepada sasaran sama ada orang yang tertentu ataupun jemaah yang tertentu ataupun kepada masyarakat yang tertentu ataupun kepada masyarakat umum yang boleh digunakan faedahnya. Petikan daripada Kitab *Raudah al-Tholibin*, karangan Imam Nawawi, Juzuk 4, muka surat 381 adalah “*Al-Mauquf ‘Alaih*” sebagai peruntukan wakaf kepada orang tertentu atau kepada jemaah tertentu maka syaratnya ia boleh memiliki harus wakaf itu diberi kepada kafir *zimmi* daripada orang Islam dan daripada kafir *zimmi* seperti mana harusnya wasiat kepadanya (sedekah sunat) dan tidak sah wakaf itu kepada kafir *harbi* dan murtad mengikut pendapat yang paling sahih kerana kedua-duanya tidak boleh dibiarkan kekal.
- d. ***Sighah*** iaitu dalam Mazhab Syafieyah adalah lafaz (kalimah) untuk mewakafkan sepetimana “aku wakafkan akan tanah ini untuk masjid”. Kalau seseorang itu tidak melafazkan yang demikian kemungkinan besar “inya tidak menjadi wakaf walaupun dibina di atas sebidang



tanah". Binaan yang merupakan masjid dan dibenarkan bersembahyang di dalamnya maka dia tidak menjadi masjid kerana dia tidak melafazkan seperti terdapat di dalam Kitab *Raudah al-Tholibin*, karangan Imam Nawawi, Juzuk 4, muka surat 387. Petikannya adalah "maka tidak sah wakaf itu kecuali dengan lafaz kerana wakaf itu ialah memiliki suatu benda ataupun memiliki manfaatnya atau manfaat itu menyerupai semua apa yang dimiliki kerana memerdekaan hamba dari segi kekuatannya ataupun memiliki hamba tidak sah kecuali dengan lafaz maka dalam wakaf ini pun lebih utama. Kalau dibina satu binaan yang menyerupai masjid ataupun tidak menyerupai masjid dan diazangkan di dalamnya maka tidaklah ianya menjadi masjid. Begitu juga halnya kalau diizinkan satu mayat ditanam di tempatnya tidak menjadi tempat itu kubur sama ada ada orang bersembahyang di sana ataupun ditanam mayat di sini dan ada pula dalam Syafieyah sendiri yang mengatakan bahawa sudah menjadi wakaf sekiranya adalah dalil yang menunjukkan dia itu sudah diwakafkan. *Sighah* wakaf terbahagi kepada dua iaitu lafaz *sarih* (terang) dan lafaz *kinayah* (sindiran). Contoh-contoh lafaz *sarih* adalah seperti aku wakafkan, aku mempertahankan dan aku jadikan akan dia sebagai jariah. Manakala bagi lafaz *kinayah* pula ialah aku sedekahkan, aku gantikan ataupun aku haramkan untuk diriku. Secara ringkasnya, wakaf dengan cara lafaz *kinayah* adalah tidak sah wakaf itu.

(*Al-Majmuk Syarah al-Muhazab*, karangan Imam Nawawi, Juzuk 15, muka surat 340-343).

- e. Jadi jelas bahawa lafaz wakaf yang sah adalah menggunakan kalimah wakaf, kalimah habbas dan kalimah sabbal.

5. PERUNDANGAN TANAH WAKAF

- i. Pentadbiran tanah wakaf di Majlis adalah pada asalnya mengikut peruntukan Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959. Kini ianya telah pun dipinda menjadi Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993.
- ii. Di dalam Enakmen Tahun 1993, jelas di bawah Seksyen 92 mengisyiharkan bahawa hendaklah Majlis menjadi ‘Pemegang Amanah Tunggal’ bagi kesemua wakaf am, wakaf khas, nazar am dan kesemua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum Syarak, setakat mana harta benda yang tersentuh olehnya dan terletak di dalam negeri ini dan jika pemberi harta itu atau orang lain yang mewujudkan amanah, wakaf atau nazar am itu berdomisil (bermastautin) di dalam negeri ini, setakat semua harta benda yang tersentuh olehnya di mana-mana juga harta itu terletak.
- iii. Justeru itu, berikutnya Seksyen 93 di bawah Enakmen yang sama telah memperuntukkan kuasa di mana hendaklah Majlis mengambil inisiatif untuk meletak hak dan mendaftar kesemua tanah-tanah wakaf, amanah dan nazar am yang terkandung dalam Seksyen 92 mengikut undang-undang yang relevan dengan tanah.
- iv. Selain daripada Enakmen Majlis itu sendiri, harta tanah wakaf juga kebanyakannya terikat dengan peruntukan Akta Kawalan Sewa 1966 dimana jelas ianya menyebabkan hampir 100 peratus daripada premis bangunan berkenaan terikat sebagai ‘Premis Terkawal’. Ini ternyata amat merugikan Majlis oleh kerana kesemua harta wakaf yang terbabit dengan akta

ini mempunyai kedudukan di dalam kawasan Bandaraya Georgetown. Ini telah menyebabkan perolehan hasil pendapatan daripada wakaf berkenaan terlalu rendah dan tidak kompetitif serta menyebabkan kerugian dari segi kewangan yang amat besar kepada Majlis. Mungkin juga akta ini mempunyai kelebihan tersendiri bagi melindungi penyewa sesuatu premis pada masa yang lampau namun demikian pada pandangan Majlis ianya harus dikaji semula khususnya bagi mengecualikan premis wakaf daripada akta ini memandangkan harta wakaf adalah bertujuan khairat serta kebajikan agama dan bukannya untuk mencari kelabaan dunia. Jelas sekali akta ini telah menimbulkan banyak kesan negatif terhadap usaha demi mencapai kemurnian agama dan terdapat suatu perasaan seolah-olah nilai serta maruah agama itu sendiri telah menjadi lebih rendah martabatnya daripada akta berkenaan.

- v. Satu lagi perundangan yang mempunyai hubungan terus dengan hal pengurusan harta wakaf oleh Majlis adalah penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang mengenakan kadar taksiran yang agak tinggi terhadap premis wakaf iaitu hampir mencapai RM70,000.00 setahun. Ini telah menimbulkan suatu beban kewangan yang amat besar kepada Majlis apatah lagi dalam keadaan kesempitan sumber hasil pendapatan.
- vi. Majlis juga ingin menarik perhatian persidangan berkenaan penguatkuasaan Seksyen 134(d) Bahagian XV Akta Kerajaan Tempatan 1976 mengenai dengan kuasa budi bicara Pihak Berkuasa Negeri bagi mempertimbangkan pengecualian cukai taksiran bagi mana-mana tempat awam di antaranya bagi maksud khairat. Soalan yang berbangkit adalah sekiranya dalam akta Kanun Tanah Negara 1965, peruntukan pengecualian wakaf daripada akta berkenaan boleh dilaksanakan secara automatik mengapa pula ianya tidak boleh dilakukan seumpamanya di dalam Seksyen 134(d) Akta

Kerajaan Tempatan di atas. Juga didapati Akta Kanun Tanah Negara telah memberi pengiktirafan kepada Majlis sebagai sebuah badan awam yang setaraf dengan badan kerajaan yang lain dalam soal ‘Perletakan Hak Tanah Statutori’ di bawah Seksyen 414 akta tersebut. Majlis berpandangan bahawasanya sebagai sebuah badan awam amat wajar kelonggaran serta keistimewaan secara automatik diberi supaya usaha-usaha mengangkat martabat agama dapat dilaksanakan secara terhormat dan berkesan.

6. PEMBANGUNAN TANAH-TANAH WAKAF

- i. Secara amnya, peranan Majlis dalam hal pembangunan wakaf adalah lahir daripada dua punca pertamanya dimana menurut sudut Enakmen Majlis hendaklah menjadi Pemegang Amanah Tunggal bagi tanah-tanah wakaf dan keduanya memenuhi aspirasi wakaf supaya harta wakaf dapat dimanfaatkan secara umumnya kepada kepentingan serta faedah umat Islam amnya. Segala perjalanan pentadbiran dan pengurusan harta wakaf hendaklah dijuruskan kepada arah kebaikan dan menurut hukum-hukum Syarak. Di samping memperluaskan potensi kegunaan tanah wakaf secara komersial, faktor keperluan dan kebijakan terhadap umat Islam perlu juga diambil kira sebagai memenuhi tuntutan jariah oleh wakaf.
- ii. Selaras dengan tuntutan untuk membangunkan tanah-tanah wakaf, maka Majlis telah pun menubuhkan sebuah syarikat yang dikenali sebagai As-Sahabah Holding Sdn. Bhd. yang telah beroperasi kira-kira sejak 3 tahun yang lalu. Objektif utama Majlis adalah agar syarikat ini dapat berperanan memajukan tanah-tanah wakaf supaya ianya dapat memberi pulangan kepada umat Islam bagi memantapkan kedudukan mereka dari sudut ekonomi dan sosial. Tugas utama syarikat ini adalah untuk mengenal pasti tanah-tanah wakaf



yang berpotensi untuk tujuan pembangunan dan seterusnya mencadangkan kepada Majlis untuk kelulusan. Berikutnya, syarikat ini akan mengeluarkan tawaran untuk menjalankan pembangunan kepada beberapa syarikat yang berminat dimana suatu garis panduan pembangunan tanah wakaf akan dilengkapi bersama. Konsep pembangunan yang ditawarkan oleh Majlis adalah terbuka dan di antaranya seperti menswastakan projek ataupun secara usahasama. Sehingga kini terdapat 12 projek pembangunan tanah wakaf yang telah dikenal pasti dan berada dalam proses memohon *planning approval* daripada Pihak Berkuasa Tempatan manakala 2 lagi akan dilancarkan pembangunannya tidak berapa lama lagi. Ini termasuklah satu projek perumahan di Lot 2581, Mk.7, Seberang Perai Utara (S.P.U) (23 ekar) dan mendirikan menara moden bagi menempatkan ruang pejabat di Lot 912, Sek. 16, Georgetown (Tapak Bangunan UMNO, Jalan Macalister).

7. SAHAM WAKAF PULAU PINANG

- i. Sebagai sedia maklum, pelancaran Saham Wakaf Pulau Pinang telah pun dilakukan oleh Y.A.B. Datuk Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 27 Rejab 1415 Hijrah bersamaan 30 Disember 1994 yang lalu. Tujuan penubuhan saham wakaf ini adalah untuk menggalakkan umat Islam khususnya untuk melaksanakan ibadah wakaf secara berkelompok sama ada dalam bentuk harta alih maupun harta tak alih. Bagi mereka yang ingin mewakafkan dalam bentuk wang tunai, nilai minimum yang ditetapkan adalah sebanyak RM 10.00 bagi satu unit.
- ii. Di antara objektif Tabung Amanah Saham Wakaf yang ditubuhkan adalah seperti berikut:-
 - a. Menyelaras dan mengumpul apa-apa sumber kewangan,

peruntukan, sumbangan dan pemberian dari mana-mana sumber, individu, kumpulan, swasta atau Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang bertujuan untuk membiayai dan melaksanakan mana-mana projek pembangunan wakaf yang terletak dalam bidang kuasa dan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- b. Mengumpul, menerima dan mengurus secara amanah apa-apa peruntukan dan terimaan tujuan wakaf.
- c. Melaksanakan dan atau membiayai projek dan aktiviti pembangunan yang diluluskan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagai badan yang mentadbir hal ehwal agama Islam di negeri ini.
- d. Mengeluarkan bantuan, sumbangan atau pemberian secara khusus (mengikut projek yang menerima sumbangan) atau cara-cara lain, termasuk pendahuluan, bagi membiayai projek pembangunan berdasarkan peruntukan khusus atau sumbangan umum yang diterima atau mengikut kelulusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

iii. Kutipan.

- a. Jumlah kutipan setakat ini setelah ditolak caj dan pembelian sebuah rumah teres No. 2 Lorong Masjid, Bagan Ajam yang berharga RM50,000 ialah RM442,815.05. (Akaun Simpanan Al-Wadiah = RM112,575.05 dan akaun Pelaburan Al-Mudharabah = RM330,350.00).
- b. Semua kutipan dan promosi adalah dibuat oleh Pusat Urus Zakat dan semua pungutan itu diserahkan kepada Majlis



dari masa ke semasa. Majlis terpaksa menyerahkan tugas nazir kepada Pusat Urus Zakat sementara jawatan Pengurus Saham Wakaf diisi.

8. ISU DAN PERMASALAHAN WAKAF

- i. Konteks Dalaman.
 - a. Tafsiran Enakmen mengenai Wakaf Am dan Wakaf Khas yang masih kabur.
 - b. Ketiadaan objektif dan matlamat yang jelas bagi konsep pembangunan tanah wakaf untuk jangka masa panjang.
 - c. Kelemahan nyata di bahagian pentadbiran dan pengurusan khususnya bilangan kakitangan yang mencukupi lagi berkelayakan, tiada inventori maklumat tanah wakaf yang lengkap, kekurangan bahan rujukan dan sebagainya.
 - d. Kekurangan dana untuk tujuan pengurusan harta tanah wakaf.
 - e. Struktur organisasi yang tidak seimbang dengan fungsi.
 - f. Kelemahan dalam penentuan jenis wakaf kerana ketiadaan rekod.
 - g. Sistem pungutan sewa yang tidak sistematik dan kurang kawalan.
 - h. Kurang penerangan tentang istilah wakaf kepada orang ramai.

- i. Ketiadaan peraturan/undang-undang terperinci bagi mengawal harta wakaf.
 - j. Ketiadaan sistem kehakiman syariah yang sempurna bagi mendengarkan kes-kes wakaf.
- ii. Konteks Luaran.
- a. Tanggapan negatif orang ramai terhadap Majlis secara keseluruhan yang telah tertanam sejak sekian lama seperti juga yang berlaku pada setengah Majlis Agama Islam di negeri lain.
 - b. Anggapan masyarakat bahawa harta tanah wakaf adalah hak Allah SWT dan ianya boleh diguna oleh sesiapa sahaja yang mengakui dirinya orang Islam. Bagi mereka ini, Majlis hanya berperanan sebagai pentadbir tanah sahaja untuk memastikan agar tanah ini sentiasa digunakan untuk maksud kebaikan tanpa boleh mencari keuntungan.
 - c. Anggapan waris pewakaf bahawa mereka masih lagi mempunyai hak untuk mendapatkan semula harta tanah wakaf dan sentiasa mencari alasan untuk menuntutnya di mahkamah.
 - d. Had undang-undang yang dipamerkan seperti terkandung dalam Akta Kawalan Sewa 1966 dan juga Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang membantut kutipan hasil kewangan serta mengenakan cukai yang tinggi masing-masing.
 - e. Masalah sosial yang terlalu banyak dan membebankan yang perlu diharungi dan ditangani pada peringkat awal perancangan pembangunan tanah wakaf. Purata hampir 90 peratus daripada penyewa tapak dengan Majlis adalah

mereka daripada golongan berpendapatan rendah dan khuatir sekiranya mereka ini tidak mampu membeli rumah yang disediakan oleh Majlis.

- f. Pengaruh politik negatif yang tidak secocok dengan dasar kerajaan demi mencari kepentingan dan keuntungan peribadi oleh pihak tertentu.
- g. Kurangnya minat pemaju perumahan untuk tampil ke hadapan bagi menggendarikan projek tanah wakaf alasannya terdapat banyak sekatan menurut hukum Syarak.
- h. Kurang keyakinan pihak tertentu terhadap autoriti fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Pulau Pinang.

9. SYOR

- i. Hartanah Wakaf.
 - a. Tiap-tiap tapak masjid ataupun surau atau kubur atau madrasah hendaklah diisytiharkan sebagai Wakaf Am. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang hendaklah meletak hak ke atasnya sebagai Nazar Amanah.
 - b. Sebarang harta yang diisytiharkan sebagai wakaf yang dipindah hak milik kepada mana-mana pihak dalam apa cara ju sekalipun adalah dianggap tidak sah dan terbatal.
- ii. Membangunkan Tanah-Tanah Wakaf dan Tanah-Tanah Baitulmal.
 - a. Tanah-tanah wakaf bolehlah dibangunkan seperti:



1. Projek perumahan
 2. Bangunan pejabat atau rumah kedai atau
 3. Ladang atau projek yang bernilai komersial supaya manfaatnya berterusan.
- b. Jika terdapat setinggan-setinggan yang menduduki di atas tanah-tanah wakaf tersebut bolehlah MAINPP memberi pertimbangan untuk:
1. Membayar pampasan atau
 2. Memberi keutamaan kepada mereka dalam perkara sewaan atau pajakan.
- iii. Mana-mana tanah wakaf yang hendak dimajukan oleh MAINPP (As-Sahabah) hendaklah diusahakan oleh MAINPP (As-Sahabah Holding) sendiri. Jika MAINPP tidak berkemampuan maka bolehlah:-
- a. Menyerahkan kepada syarikat-syarikat yang ada modal yang tidak perlu mencagarkan tanah-tanah wakaf itu kepada bank.
 - b. Memilih syarikat-syarikat yang tidak mengamalkan urusniaga yang berunsur secara riba.
 - c. Jika sekiranya tidak ada pilihan lain dan MAINPP terpaksa juga memilih syarikat-syarikat yang tidak mampu melaksanakan projek tersebut dengan wangnya sendiri atau tidak mampu memilih syarikat-syarikat yang tidak beruruskan secara riba, MAINPP hendaklah berhati-hati memilih syarikat-syarikat yang kurang beruruskan secara



riba di dalamnya.

- iv. Majlis hendaklah menubuhkan satu tabung yang dinamakan Tabung Menebus Semula Harta-harta Wakaf yang diambil wang itu daripada keuntungan hasil *mauquf* itu.
- v. Tabung ini juga boleh digunakan untuk membeli rumah-rumah yang tidak terbeli oleh bumiputra di Pulau Pinang kemudian diwakafkan.
- vi. Pajakan *mauquf* ini hendaklah dijual dalam tempoh 66 tahun.
- vii. MAINPP hendaklah mengambil perhatian supaya *mauquf* ini tidak dijadikan tempat maksiat seperti judi atau *pub* atau sebarang rumah ibadat lain (kuil atau tokong).
- viii. Mana-mana *mauquf* (harta wakaf tidak boleh dijual atau dirampas kecuali dalam keadaan terdesak dengan syarat *mauquf* itu diganti (*istibdal*) dengan *mauquf* yang lain yang lebih baik daripadanya atau setaraf dengan yang lama.
- ix. Mana-mana *mauquf* (harta wakaf) tidak boleh diwarisi atau dihibah.
- x. Tanah-tanah yang diperolehi dengan wang zakat hendaklah ditukar oleh MAINPP dengan membelinya dari wang Baitulmal.
- xi. Tanah-tanah Baitulmal bolehlah dibangunkan oleh MAINPP untuk projek-projek perumahan atau bangunan pejabat atau projek-projek yang bernilai komersial dan berfaedah dan boleh dijual kepada orang-orang Islam.

Sekian.

PEMBANGUNAN DAN
PENGUKUHAN ISLAM
DI PULAU PINANG

KERANGKA AGENDA BERTINDAK

1. PREMIS (Asas Membawa Perubahan).

- i. Pembangunan Islam di negeri Pulau Pinang hendaklah secara menyeluruh menyentuh semua aspek kualiti dan status umat Islam.
- ii. Umat Islam di negeri Pulau Pinang hendaklah secara menyeluruh menyentuh semua aspek kualiti dan status umat Islam.
- iii. Suatu perubahan besar hendaklah dilakukan kepada umat Islam di negeri Pulau Pinang dalam semua sektor iaitu dari lima aspek.
 - a. **Pemikiran:** Kefahaman Islam secara terpisah-pisah kepada kesatuan dan perpaduan Islam.
 - b. **Sikap:** Sikap bergantung dan puas kepada status Islam kini kepada sikap bersungguh dan aktif mengubah nasib diri dan umat.
 - c. **Kesatuan:** Dari ketaksuban ideologi kepada realistik dan mengutamakan dan kesatuan umat.
 - d. **Keyakinan:** Dari kurang pasti kepada nasib masa depan Islam di Pulau Pinang kepada yakin terhadap kebolehan mengubah nasib diri.

- e. **Kritikal dan kepekaan:** Dari menjadi penonton pasif kepada penggerak aktif membanteras kemungkar yang berlaku dalam masyarakat.
- iv. Bahawa pembangunan Islam mestilah bermula dari wujudnya peribadi-peribadi dan penggerak-penggerak contoh dalam semua sektor di kalangan umat Islam di Pulau Pinang.
- v. Bahawa perubahan umat Islam di Pulau Pinang akan berlaku jika penghayatan Islam yang bersungguh dijelmakan dari kalangan pemimpin sendiri.

2. SENARIO MASA KINI

Umumnya ada beberapa perkara sedang berlaku yang memerlukan keperihatinan kita.

- i. Sosial.
 - a. Berlakunya perubahan gaya hidup di kalangan masyarakat umat Islam.
 - b. Umat Islam terdedah kepada kehidupan yang berteraskan kebendaan yang akhirnya membawa kepada pembolotan kekayaan dan sikap individualistik.
 - c. Institusi keluarga menghadapi cabaran yang sangat berat sehingga meningkatnya kadar penceraian, penderaan, anak-anak dan kes lari dari rumah.
 - d. Remaja Islam terus terdedah kepada gaya hidup barat tanpa tapisan yang melahirkan fenomena-fenomena pergaulan bebas, tabiat melepkak dan hilangnya rasa keyakinan

kepada nilai agama dan budaya sendiri.

- e. Kepesatan arus industri tanpa diimbangi dengan nilai-nilai keagamaan telah menimbulkan fenomena kejutan budaya yang gawat.
 - f. Pada umumnya dasar pelancongan negeri Pulau Pinang lebih mengutamakan unsur-unsur budaya barat daripada budaya dan tradisi tempatan.
- ii. Pendidikan.
- a. Pendekatan pendidikan Islam di sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi hanya tinggal dalam bentuk “subjek” semata.
 - b. Pendidikan Islam masih berlegar kepada persoalan fiqh dengan pandangan yang sempit dan disampaikan dalam bentuk yang sangat jumud.
 - c. Pendidikan Islam gagal menyumbang dan mempengaruhi pembinaan pemikiran dan watak para pelajar Islam dalam menghadapi cabaran semasa.
 - d. Wujudnya institusi pendidikan Islam yang ditaja oleh kumpulan atau individu yang bersifat tertutup dan tidak banyak membantu perkembangan Islam.
 - e. Pendidikan Islam yang diamalkan tidak bersifat bersepadu atau holistik sebagaimana yang dikehendaki Islam.
- iii. Ekonomi.
- a. Kurang penghayatan nilai-nilai Islam dalam dunia

perniagaan.

- b. Islam masih dilihat sebagai faktor yang membantutkan pertumbuhan ekonomi umat Islam.
- c. Umat Islam adalah kelompok terbesar yang gagal menikmati kekayaan ekonomi.
- d. Dalam keghairahan membina kejayaan ekonomi, golongan Islam yang berjaya, ramai yang telah mengabaikan tanggungjawab sosial dalam masyarakat.

iv. Politik.

- a. Berlakunya pergeseran dan perbalahan antara parti-parti politik yang mewakili umat Islam akibat sikap taksub yang melulu.
- b. Kurangnya kefahaman dalam *Siasah Syariah* dalam menangani persoalan politik umat Islam.
- c. Ahli-ahli politik umat Islam tidak menghayati etika dan misi politik Islam yang mengundang pelbagai gejala negatif seperti politik wang, rasuah, surat layang dan lain-lain.
- d. Kelahiran pengamal dan pendokong politik sempit dalam mentafsirkan nasionalisme Melayu dari perspektif Islam.

v. Pertubuhan-Pertubuhan Islam.

- a. Aktiviti pertubuhan Islam hanyalah di sekitar persoalan ibadat umum.



- b. Pertubuhan-pertubuhan Islam gagal untuk menyuarakan suara umat Islam dan kehadiran mereka tidak dirasai.
 - c. Wujudnya kepincangan dalam pengurusan organisasi dan pelaksanaan aktiviti yang menjadikan pertubuhan-pertubuhan Islam tidak berkesan dalam menangani persoalan umat.
- vi. Penyelarasan Undang-Undang Islam di Malaysia.
- a. Ketidakselarasan pentadbiran Undang-Undang Islam di negeri-negeri Melayu.
 - b. Kedudukan dan bidang kuasa hakim-hakim Mahkamah Syariah lebih rendah/kecil daripada kedudukan dan bidang kuasa Mahkamah Sivil.
 - c. Wujudnya fatwa-fatwa yang tidak selaras di antara negeri negeri dan Majlis Fatwa Kerajaan Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- vii. Institusi Masjid.
- a. Aktiviti-aktiviti masjid masih lagi dalam lingkungan stereotaip seperti kelas-kelas pengajian di tempat-tempat beribadat.
 - b. Kaedah pengurusan masjid gagal menepati peredaran zaman yang berubah dan diuruskan secara *part-time*.
 - c. Para belia dan remaja Islam tidak merasa perkaitan di antara mereka dan institusi masjid.

3. MATLAMAT PERUBAHAN

i. Perubahan Makro

a. Polisi.

Penglibatan setiap lapisan umat Islam dari pemimpin hingga masyarakat akar umbi dalam merangka agenda pembangunan umat Islam. Polisi yang dirangka hendaklah berupaya menyediakan umat Islam menghadapi cabaran mendatang.

b. Kepimpinan.

Kepimpinan yang telah berteraskan Islam dalam menangani permasalahan dan mengetuai umat Islam adalah diperlukan. Kepimpinan yang prihatin dan mempunyai rasa keinsafan terhadap nasib umat perlu dibangunkan.

c. Institusi.

Seluruh institusi yang diasaskan atas kesedaran dan tujuan untuk membela nasib umat Islam hendaklah digerakkan semaksima mungkin. Pegurusan serta strategi hendaklah dinamik serta penuh tanggungjawab.

d. Yayasan Islam.

Cadangan penubuhan Yayasan Islam yang berperanan untuk membantu menaikkan martabat Islam.

ii. Perubahan Mikro

a. Keluarga.

Institusi keluarga hendaklah diletakkan sebagai institusi teras di dalam masyarakat Islam. Ia hendaklah memainkan peranan utama dalam menggerakkan pembangunan umat Islam.

b. Individu.

Melahirkan individu Islam yang berperanan di dalam setiap sektor yang mereka hadiri. Individu ini tidak akan memiliki rasa rendah diri dan berani untuk mendakwa dirinya seorang Islam dan menghayati kehidupan Islam dalam kehidupan secara individu atau dalam masyarakat.

4. KERANGKA GERAK KERJA : MEMBAWA PERUBAHAN

i. Gerak kerja di peringkat institusi.

Melaksanakan reformasi kepada bentuk, gaya serta sistem pengurusan institusi-institusi Islam di negara Pulau Pinang. Gerak kerja boleh dibahagi kepada 70 bahagian manakala kursus dibahagi kepada 30 bahagian supaya ianya menjadi lebih berkesan lagi.

ii. Gerak kerja di peringkat pemimpin massa dan akar umbi.

Menggerakkan seluruh pemimpin massa akar umbi umat Islam di Pulau Pinang dengan kefahaman, kesedaran dan penghayatan

- Islam di seluruh sektor dengan sikap dan pemikiran kritikal terhadap isu-isu umat.
- iii. Gerak kerja di peringkat reformasi polisi.

Bahawa perlu wujud sesuatu semakan dan perubahan di peringkat polisi agar segala pengubahsuaian serta pembaharuan dilaksanakan untuk memungkinkan ruang dan wahana perubahan nasib umat Islam di Pulau Pinang akan berlaku.

- iv. Gerak kerja di peringkat organisasi rakyat.

Perlu ada sesuatu penggembangan organisasi-organisasi Melayu yang aktif untuk memastikan semua kumpulan sasar umat Islam dapat dididik dengan penghayatan Islam.

AGENDA BERTINDAK

1. Pengemaskinian Institusi.

Pengemasan dan pemantapan institusi-institusi Islam di negeri Pulau Pinang adalah tindakan awal yang perlu dilaksanakan.

Semua institusi kerajaan seperti Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Jabatan Agama Islam, Unit Agama Islam dan jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Pendidikan, Jabatan Penjara, PERDA, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Imigresen, PDC dan Majlis Perbandaran perlu diperkuuhkan perjalannya serta diperkemaskan fungsinya.

Aspek pengurusan serta pelaksanaan program yang berkesan dan menepati kelompok sasar yang tepat hendaklah diteliti dengan rapi agar tidak berlaku kepincangan serta pembaziran.



2. Mordinamikkan Masjid dan Surau.

Sudah sampai masanya aktiviti-aktiviti umat Islam di negeri Pulau Pinang melalui masjid dan surau didinamikkan dengan memanfaatkan penggunaan teknologi maklumat (IT) seperti internet dan lain-lain.

Pengurusan serta kegiatan yang lebih berkesan bagi memastikan program-program kesedaran dan penghayatan Islam perlu dilaksanakan.

Fungsi masjid dan surau di sekitar negeri Pulau Pinang hendaklah diperluaskan dalam pelbagai bidang dan keperluan umat Islam di negeri ini.

Masjid-masjid yang sudah tidak dapat lagi mendirikan solat Jumaat di bandar Georgetown akibat kekurangan anak qaryah perlu dijadikan pusat-pusat kegiatan dakwah yang dinamik dan aktif.

Menubuhkan Yayasan Masjid Pulau Pinang (YMPP) untuk menyelaras dan mempermekaskan aktiviti dan peranan institusi masjid sebagai pusat utama pemangkin pembangunan umat Islam di negeri ini.

3. Memperkuuhkan NGO Islam.

Semua NGO Islam perlu dikenal pasti di negeri Pulau Pinang. Semakan terhadap prestasi program-program NGO Islam hendaklah dilaksanakan agar bantuan untuk mengatasi kekurangan dan kelemahannya dapat dihulurkan.

4. Pembangunan Generasi Muda Islam

Sesuatu tumpuan yang bersungguh perlu diberi kepada usaha

melaksanakan program pembangunan generasi muda Islam di negeri Pulau Pinang.

Gerak kerja untuk menggabung jalinkan sumber-sumber pakar dari pelbagai bidang dan sektor hendaklah dikerah agar pembangunan generasi muda benar-benar dapat direalisasikan.

Suatu pasukan khas pembinaan generasi muda hendaklah ditubuhkan agar program pembinaan dapat dilancar secara berkesan di seluruh negeri.

5. Pembinaan Kelompok Pentadbiran Kakitangan Islam.

Prestasi kecemerlangan umat Islam di negeri Pulau Pinang hanya dapat digerakkan dengan dokongan kelompok pentadbiran Islam yang mantap.

Semua kakitangan kerajaan dari kalangan pegawai tinggi sehingga kategori rendah perlu menjalani program kemantapan kefahaman dan penghayatan Islam dari segi akhlak, nilai amanah, komitmen kerja serta sistem pentadbiran Islam secara berterusan.

Semua kakitangan hendaklah menjalani pendedahan yang intensif mengenai tanggungjawab sebagai seorang pemegang amanah, pengurusan kemajuan umat Islam dalam kerajaan perlu dirangka.

6. Pembangunan Institusi Korporat Islam.

Semua institusi korporat Melayu sama ada swasta atau perbadanan kerajaan hendaklah mempunyai program penerapan Islam yang berkesan untuk kakitangannya.

Satu gerak kerja mengenal pasti pengurusan sektor korporat Melayu yang wujud di Pulau Pinang hendaklah dijadikan sasaran program penerapan Islam secara khusus.

Tumpuan hendaklah diberikan kepada peringkat pengurusan agar suatu kesan yang mengganda dapat berlaku dalam aspek penghayatan akhlak di kalangan petugas bawahan.

7. Pembangunan Institusi Keilmuan dan Pendidikan.

Institusi-institusi formal dan tidak formal perlulah ditingkatkan keberkesanannya bagi memastikan kemantapan prestasi-prestasi pendidikan Islam.

Prestasi pendidikan Islam di institusi sekolah, maktab dan universiti perlu disemak. Satu gerak kerja bagi meningkatkan keberkesanannya pendidikan Islam perlu dilaksanakan dari peringkat pendidikan rendah hingga peringkat tinggi.

Institusi pendidikan Islam dari kalangan sekolah-sekolah yang wujud di negeri Pulau Pinang hendaklah diberi tumpuan secara khusus.

Keberkesanannya pembelajaran dan pengajaran di institusi tersebut perlu dibangunkan dari masa ke semasa agar kemudahan dan tenaga terlatih dapat dibekalkan.

8. Pembangunan Golongan Profesional Islam.

Negeri Pulau Pinang memerlukan penambahan golongan iktisas Islam yang ramai untuk membela dan membangun umat Islam.

Justeru itu, usaha yang berterusan untuk melatih dan meningkatkan kualiti serta komitmen Islam di kalangan profesional seperti dalam sektor serta komitmen Islam di kalangan profesional seperti dalam sektor perubatan, media, undang-undang, kejuruteraan, pengurusan, kewangan dan lain-lain perlu dibangunkan.

Suatu program intensif dan berterusan perlu dilancarkan kepada golongan profesional Islam yang sedia ada.

9. Penggabungan Tenaga Ulamak di Pulau Pinang.

Tenaga ulamak di negeri Pulau Pinang hendaklah ditampilkan melalui pendekatan yang berterusan terhadap masalah-masalah umat Islam di negeri Pulau Pinang.

Golongan ulamak perlu digembleng secara rapi dalam suatu barisan yang mantap, kuat serta progresif untuk membantu umat Islam di Pulau Pinang. Semua program penghayatan Islam perlu menampilkan ulamak yang berwibawa agar salah faham serta kesempitan tafsiran terhadap Islam dan konteks umat Islam di negeri Pulau Pinang dapat diatasi.

Golongan ulamak juga harus digembleng bagi memastikan penyelewengan dan kesesatan akidah dapat dibanteras melalui program-program pendidikan massa secara berterusan.



NASAB DAN KAEDAH
MENSABITKAN NASAB
MENGIKUT HUKUM
SYARAK

1. Sabit Nasab dengan beberapa cara:

- i. Perkahwinan yang sah, ataupun
- ii. Perkahwinan *fasid*, ataupun
- iii. *Wati' syubhah* (persetubuhan syubhah) ataupun
- iv. Ikrar berserta *bayyinah* (keterangan saksi).

Nasab anak kepada bapa dengan cara zina dibatalkan oleh Islam.

a. **Sabitan anak dari perkahwinan**

- i. Mengandung.
- ii. Perselisihan atau
- iii. Sabit nasab anak dengan kenyataan pakar yang boleh dipercayai.

b. **Mengandung**

Tempoh mengandung yang paling pendek sekali ialah 6 bulan 2 *lahzah*, mengikut pendapat *Jumhur ulamak* berdasarkan kepada ayat al-Quran, surah al-Ahqaf ayat 16 dan hadis Nabi yang bermaksud bahawa anak itu dinasabkan pada tikar yang ia jatuh, yang bermaksud seorang kanak-kanak itu dinasab kepada bapa yang berkahwin dengan perempuan yang ia disetubuhi di atasnya (tikar itu) sabitan juga dari riwayat yang mengatakan seorang lelaki berkahwin maka isterinya melahirkan anak dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh ia berkahwin, lelaki itu mengadu kepada Saiyidina Othman bin



Affan, maka hampir-hampir perempuan itu hendak direjamkan. Maka Saiyidina Abdulah bin Abbas telah membantah akan hal itu dengan berpandukan kepada surah al-Ahqaf ayat 15. Maka Saiyidina Othman bersetuju dengan hujah itu dan beliau tidaklah jadi menjatuhkan hukum rejam setelah dipersetujui oleh semua sahabat bahawa tempoh singkat bagi seseorang itu mengandung ialah 6 bulan.

Yang pertama, manakala tempoh paling lama seseorang itu mengandung ialah mengikut Mazhab Syafieyah 4 tahun kerana kebiasaan perempuan Bani *Ajlan* mengandung 4 tahun iaitu mengikut riwayat Imam Ahmad bin Hambal dan Syafie.

Yang kedua, 2 tahun mengikut Mazhab Al-Hanafiah berpandu kata-kata Saidatul Aishah r.a. “*tidak kekal seorang kanak-kanak dalam rahim ibunya melainkan dalam tempoh 2 tahun*”. Jika seorang perempuan melahirkan anak selepas 2 tahun dari tarikh suaminya mati ataupun dalam tarikh ia diceraikan dan ia tidak berkahwin lelaki lain dan tidak disetubuhi, dia tidak ada haid maka anak itu adalah anak suaminya yang telah mati itu ataupun suaminya yang menceraikannya atau suami yang terakhir menceraikannya.

Yang ketiga, 5 tahun, iaitu yang masyhurnya dalam Mazhab Al-Malikiyah, kata Imam Malik bahawa apa yang disampaikan kepada aku katanya berkenaan dengan seorang perempuan yang mengandung sampai 7 tahun. Kiraan mengandung ini adalah kiraan bulan bukan kiraan matahari.

Yang Keempat, ialah selama 9 bulan pendapat Saiyidina Umar bin al-Khattab.

c. Perselisihan Tentang Kelahiran Anak dan Penentuan Kanak-Kanak

Bermaksud bahawa selalunya berlaku di antara suami isteri dalam perkara kelahiran anak waktu *iddah* bagi menentukan anak itu anak siapa? Seorang isteri yang telah diceraikan kemudian dalam waktu yang tertentu ia melahirkan anak maka anak itu hendak dinasabkan kepada siapa? Maka ketika itu nasab itu hendaklah disabitkan dengan saksi (*bayyinah*) sama ada saksi itu dengan 2 orang lelaki atau seorang lelaki dan 2 orang perempuan mengikut Abu Hanifah tetapi kalau sekiranya di iktiraf oleh bekas suami maka itu tidak perlu kepada saksi.

Manakala perselisihan di antara isteri dalam menentukan anak itu anak siapa dalam kes iaitu suami mengiktirafkan bahawa isterinya melahirkan anak lelaki tetapi anak yang ada adalah anak perempuan maka dalam hal ini bagi menentukan nasab anak itu perlulah kepada *bayyinah*.

Sebab itu Nabi menerima saksian walaupun dengan seorang bidan saja. Ini pendapat Abu Hanifah manakala Syafieyah pula hendaklah disabitkan nasab anak itu dengan 4 orang saksi perempuan kerana tiap-tiap 2 orang perempuan itu sama dengan seorang lelaki.

d. Sabit Nasab dengan Kepakaran

Jika seorang janda berkahwin dengan lelaki lain pada hal ianya dalam *iddah* suaminya yang terdahulu kemudian isteri tadi melahirkan anak, pada siapakah hendak dinasabkan anak itu? Kes yang kedua kalau 2 orang lelaki atau 3 orang atau lebih mendakwa seorang budak itu adalah anaknya maka

pada siapakah hendak dinasabkan anak itu? Maka ulamak mengatakan bahawa boleh disabitkan nasab itu berpandukan kepada pendapat pakar.

2. IKRAR NASAB

Ikrar nasab ini terbahagi kepada 2:

- i. Mengakui adalah ke atas dirinya seperti mengaku anak itu adalah anaknya.
- ii. Mengaku nasab ke atas orang lain seperti ia mengatakan itu adalah saudara aku atau orang itu adalah bapa saudaraku.

Ulamak mengenakan 4 syarat untuk kesahihan ikrar seseorang itu atas dirinya:

Syarat Pertama

Orang diakui itu adalah *majhul* (tidak diketahui keturunannya nasabnya) kalau diketahui akan nasabnya maka tidaklah sah ikrar itu, itulah yang dimaksudkan dengan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a.:

Ertinya:

“Siapa yang mendakwa dirinya itu anak kepada seseorang bukan bapanya atau yang bukan keturunannya, ke atasnya lakin yang berterusan daripada Allah SWT hingga hari kiamat”

Syarat Kedua

Orang yang diakui itu besar kemungkinan adalah nasab dengan orang yang dinafikan oleh perkara-perkara yang zahir yang

bertentangan seperti orang yang diakui itu mestilah lebih muda umurnya daripada orang yang mengaku bukan sebaliknya ataupun orang yang mengaku itu adalah orang yang sihat tidak punya penyakit mati pucuk atau *khunsa*.

Syarat Ketiga

Orang yang diakui itu membenarkan pengakuan itu sekiranya ia ahli yang boleh diterima pengakuannya sepertimana ia cukup umur dan berakal kerana dia ada hak dalam perkara nasab itu.

Syarat Keempat

Tidak akan berlaku perebutan nasab daripada orang lain. Oleh kerana itu harus bagi seorang mengikrarkan dengan perkataan “itu adalah anakku” ataupun aku adalah bapanya kerana itu adalah ikrar ke atas dirinya bukan ikrar terhadap orang lain. Begitu juga ikrar seorang perempuan boleh diterima dalam 2 perkara:

- i. Pengakuan sebagai isteri seseorang ataupun dirinya anak kepada seseorang tetapi tidak diterima pengakuan dakwaannya terhadap anak kerana nasab anak ini hanya kepada suami.
- ii. Manakala ikrar nasab di atas orang lain ialah ikrar seorang lelaki sepertimana ia mengaku berikrar katanya “itu adalah saudaraku” ataupun itu adalah bapa saudaraku tetapi dengan syarat bendaklah disabitkan nasab itu dengan bayyinah. Imam Syafieyah dan Imam Ahmad dan Imam Abu Yusuff mengatakan jika semua ahli waris mengaku (berikrar) itu adalah saudara mereka maka diterima ikrar itu.



3. IKRAR TERHADAP ANAK PUNGUT

Jika seseorang mendakwa bahawa anak pungut itu adalah anaknya maka sabitlah dakwaan demikian dengan syarat berikutnya:

- i. Perlu kepada *bayyinah* kerana itu adalah membawa kebaikan kepada anak pungut itu adalah anak mereka dan masing-masing tidak ada *bayyinah*, seorang daripadanya muslim dan seorang lagi bukan muslim maka nasab anak itu adalah kepada muslim.
- ii. Jika yang mendakwa itu kedua-dua muslim, salah seorang daripada keduanya boleh menerangkan tanda yang ada pada badan budak itu yang mana tanda-tanda tepat dengan gambaran yang diberikan maka anak itu hendaklah diserahkan kepada yang dapat memberi alamat tanda-tanda itu, kerana ia boleh dianggap telah pun biasa dengan budak itu.
- iii. Jika sekiranya tidak dapat siapa pun di antara kedua memberi alamat atau tanda maka anak itu adalah anak kepada kedua-dua orang yang mendakwa itu.
- iv. Jika salah seorang daripadanya dapat membuktikan tanda (alamat) di badan budak itu dan seorang lagi dapat membuktikan dengan saksi (*bayyinah*) maka anak itu hendaklah diserahkan kepada yang dapat membuktikan dengan *bayyinah*.
- v. Jika sekiranya kedua-duanya tidak dapat mengemukakan *bayyinah* maka anak yang dijumpai tadi hendaklah dirujuk kepada pakar maka anak itu akan diserahkan kepada siapa yang pakar itu sabitkan. Manakala dakwaan seseorang perempuan bahawa anak pungut itu adalah anaknya dan dia tidak pernah ada suami maka tidaklah sah dakwaannya tadi.

- vi. Jika sekiranya ia (perempuan) ada suami ataupun dapat ia mengemukakan bidan ataupun dia dapat membawa 2 orang saksi maka sabitlah nasab itu kepadanya. Jika 2 orang perempuan dapat mengemukakan hujahnya dengan *bayyinah* maka anak itu adalah anak kedua-dua perempuan itu.

4. PERKAHWINAN MENSABITKAN NASAB

Dengan wujudnya perkahwinan yang sah maka sabit nasab anak-anak itu kepada suaminya itu seperti mana sabda Rasulullah SAW : ertinya:

“Anak itu kepada tikar tempat dia dilahirkan”.

Nasab anak kepada ibunya adalah disabitkan sama ada melalui perkahwinan yang sah atau tidak. Manakala seorang anak tidak boleh dinasab kepada bapa kecuali dengan salah satu daripada perkara yang tersebut :

- i. Perkahwinan yang sah, ataupun
- ii. Perkahwinan *fasid*, ataupun
- iii. *Wati’ Syubhah*, ataupun
- iv. *Ikrar*.

5. SEBAB-SEBAB SABIT NASAB KEPADA BAPA

Disebutkan tadi bahawa sebab-sebab nasab kepada bapa adalah melalui 4 perkara tadi:

- i. Daripada nikah yang sahih.



ii. Nikah *fasid*.

iii. *Wati' Syubhah*.

iv. *Ikrar*.

Nikah Sahih ialah:

- i. Nikah yang dilaksanakan dengan cukup rukun dan syarat sah iaitu di antaranya syarat pertama suami itu adalah seorang yang baligh maka tidak sabit nasab jika suaminya seorang kanak-kanak.
- ii. Syarat kedua anak itu dilahirkan selepas 6 bulan nikah dan
- iii. Syarat ketiga ialah berkemungkinan mereka ini biasa bertemu untuk bersetubuh.

Nikah *Fasid*.

Berkahwin yang tidak sempurna rukunnya dan apabila dapat anak daripada perkahwinan yang tidak sempurna rukunnya ini maka sabitlah nasab itu dengan suami daripada perkahwinan yang fasid ini dengan 3 syarat:

- i. Suami ini adalah orang yang baligh
- ii. Terbukti berlakunya persetubuhan atau *dukhul* di antara suami dan isteri.
- iii. Perempuan itu melahirkan anak selepas 6 bulan daripada tarikh berkahwin atau tarikh dukhul atau tarikh khalwat kerana

kalau lahir anak sebelum daripada 6 bulan maka anak itu sudah wujud dalam perut itu sebelum berkahwin ataupun anak itu dilahirkan selepas 6 bulan tetapi sudah ada janin sebelum daripada akad nikah itu. Apabila berlaku perpisahan di antara suami isteri yang bernikah secara fasid itu dengan kehendak suami atau dengan perintah Kadi selepas dukhul kemudian si perempuan tadi melahirkan anak maka anak itu dinasabkan kepada bapanya.

Wati' Syubhah.

Wati' Syubhah ialah perhubungan jenis oleh dua orang manusia (lelaki / perempuan) yang bukan suami isteri tetapi bukan zina. Sepertimana seorang suami yang pergi ke rumah isteri pada hari menyambut pada malam itu kebetulan ia tidak pernah melihat isterinya, dia telah masuk ke dalam bilik dan dia telah bersetubuh dengan seorang perempuan yang disangka isterinya tiba-tiba didapati perempuan itu bukan isterinya tetapi adik iparnya, jika adik iparnya mengandung dan melahirkan anak daripada perbuatan itu maka anak itu hendaklah di binkan (disabitkan) kepadanya tetapi jika perkara itu disengajakan maka kandungan itu tidak disabitkan nasab kepada lelaki tersebut.

6. KAEAH MENSABITKAN NASAB

- i. Nikah
- ii. Ikrar Nasab
- iii. Dengan *Bayyinah*

Nikah sahih, nikah fasid adalah sebab bagi mensabitkan nasab seperti yang telah dibincangkan di atas.



Manakala ikrar ini ada dua iaitu ikrar ke atas dirinya dan ikrar kepada orang lain dan kita telah berbincang perkara ini di awal tadi.

Bayyinah - Adalah hujah yang disabitkan ke atas orang lain, iaitu disabitkan dengan saksi dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang perempuan atau semua waris di kalangan Mazhab Syafieyah dan Hanabilah dan Abu Yusuff.

Saksi ini boleh dilakukan dengan mengaku ia melihat sendiri, dia mendengar dengan telinganya ataupun ia mendengar khabar yang tersebar luas iaitu dengan syarat tidak ada pakatan dalam mendustakan perkhabaran itu.



MIMPI

DARI PERSPEKTIF ISLAM



MIMPI DARI PERSPEKTIF ISLAM

1. MUKADIMAH

- Mimpi atau *manam* atau *ra'ya* ialah sumber hukum khusus bagi para Nabi sepetimana terdapat di dalam al-Quran, Surah as-Saaffat, ayat 102:

Maksudnya: “*Apabila anaknya itu sampai umur yang membolehkan dia berusaha bersama dengannya, berkata Ibrahim: Wahai anakku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu? Anaknya menjawab: Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya-Allah, ayah akan dapati daku dari orang yang sabar.*

Maksudnya: “*aku lihat di dalam mimpi*” ialah Nabi Ibrahim a.s. yang mana diberitahu akan kelahiran itu. Ia pun terlintas di dalam hatinya bermazar untuk menyembelih anaknya maka di alam tidurnya ia diperintahkan supaya ia menunaikan nazarnya itu iaitu selepas anaknya besar maka pada pagi hari itu ia pun berkata:

يَبْشِّرُ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَنْجَحُكَ

- Tafsiran keduanya ayat mimpi Nabi Ibrahim itu ialah pada malam Tarwiyah (hari ke 8 Zulhijah) itu ia bermimpi diperintah oleh Allah SWT menyembelih akan anaknya. Tertanya-tanya Nabi Ibrahim apakah mimpi ini dari Allah SWT atau dari syaitan maka pada malam 9 Zulhijah ia bermimpi lagi sekali maka tahulah dia bahawa mimpi itu dari Allah SWT maka di situlah ia menyebut:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
يَبْشِّرُ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَنْ بَحْكُ

- iii. Mimpi nabi ibrahim yang mana ia diperintah menyembelih akan anaknya maka mimpi nabi itu adalah wahyu dan ia menjadi hujah¹. Ulama bersepakat mimpi para nabi ini adalah hujah dan benar. ‘Mimpi’ dari segi bahasa pula pada orang kebanyakan disebut أَضْفَاثُ أَحْلَامٍ atau *al-Hulum* sepertimana terdapat dalam Surah Yusuf, Ayat 44.

Maksudnya: “*Mereka menjawab: Yang demikian itu ialah mimpi-mimpi yang bercampur aduk, dan kami bukanlah orang yang mengetahui mimpi-mimpi itu.*

Ulamak menyebut mimpi orang biasa ini bukan satu hujah dan bukan semuanya benar sepertimana terdapat dalam kitab-kitab Fiqh di antaranya Kitab *Hasyiah I'anat al-Tholibin*, muka surat 230, Jilid 1.

2. MIMPI ORANG ISLAM

Mimpi orang Islam ini tidak menjadi hujah atau boleh memaksa orang lain mempercayainya ia hanya adalah anugerah Allah SWT kepada orang itu sahaja dan dia adalah satu daripada 46 daripada tanda kenabian tetapi bukan pemimpi itu seorang Nabi atau orang yang disebut dalam mimpi itu sebagai seorang Nabi sepertimana hadis yang disebut daripada Abi Razin al-U'qaili.

(*Mirqat al-Mafatih*, No. 4622, Juzuk 8.)

Mimpi itu berbeza-beza keadaannya melihat kepada kedudukan orang yang bermimpi itu terbahagi kepada tiga.

- i. **Mimpi Bisikan Nafsu** - seperti seorang asyik teringat dengan

¹ (*Tafsir Al-Khabir*) *Al-Fakhurraazi*, Karangan Imam Muhammad Razi Takhruddin, Mujallat 13, Muka surat 152.

masyuknya. Disebut contoh sepermama kucing mimpikan di dalam tidurnya akan tikus.

(*Mirqat al-Masabih*, muka surat 386).

- ii. **Godaan Syaitan** - sepermama ia melihat dalam mimpinya syaitan ada memenggal kepalanya atau mimpi dia boleh terbang.
- iii. **Mimpi Khabar Gembira dari Allah SWT** - iaitu mimpi yang diberi kepada sesiapa juga “hambanya yang dikehendaki” yang mana daripada urutan di atas didapati bahawa apa yang dilihat oleh manusia di dalam mimpinya itu bukan semua boleh dipakai dan benar.
(*Mirqat al-Masabih*, muka surat 386).

3. MIMPI ORANG BUKAN ISLAM

Mimpi orang yang bukan Islam adalah tertolak sama sekali jika ada orang yang berhujah kepada kita peristiwa Raja Firaun bermimpi di zaman Nabi Yusuf a.s. Firaun bermimpi seperti yang diterangkan oleh Allah SWT di dalam Surah Yusuf, Ayat 43:

وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَى سَبْعَ بَقَرَاتٍ سَمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ عَجَافٌ وَسَبْعَ سُبْلَدٍ تُخْضِرُ وَآخَرَ يَا إِسْنَتٍ يَأْتِيهَا الْمَلَأُ أَفْتُونٌ فِي رُءُسَنِي إِنْ كُنْتُ مُرْسِلًا يَا

٤٣ تَعْبُرُونَ

Maksudnya : “Dan raja Mesir berkata: Sesungguhnya aku mimpi melihat tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan aku melihat tujuh tangkai biji-bijian yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum yang hadir, terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang yang pandai menta ’birkan mimpi”

Di dalam kitab-kitab Tafsir termasuk tafsir Fakhurraazi bahawa

mimpi orang yang bukan Islam (kafir) sepetimana mimpi Firaun itu adalah untuk menjadi hujah kepada kebenaran Nabi Yusuf a.s semata-mata hanya khusus untuk Rasul itu sahaja yang mana mimpi ini menjadi hujah kerana ada kaitan dengan Nabi Yusuf a.s atau Nabi yang lain tetapi kalau tidak ada kaitannya dengan para Nabi dan Rasul maka mimpi itu tetap tertolak sama sekali dan sudah tentu menjadi hujah².

4. MIMPI MELIHAT NABI DAN BERJUMPA DENGAN NABI MUHAMMAD SAW.

Dalam satu hadis Rasulullah SAW bersabda daripada Abi Hurairah r.a. Maksudnya: “*Siapa mimpi melihat aku dalam tidurnya maka ia akan dapat melihatku masa jaganya dan syaitan tidak boleh menyerupaiku*”. Imam Nawawi membuat syarahan berkenaan hadis ini katanya:

- i. Perkataan “siapa” itu dikhkususkan kepada kalangan atau golongan orang yang hidup pada zaman Rasulullah SAW sahaja iaitu siapa yang bermimpi melihat Nabi dalam tidurnya dan dia tidak berhijrah ke Madinah, maka Allah SWT akan menjayakannya (mempermudahkan) penghijrahannya dan akhirnya dapat melihat Rasulullah SAW di Madinah atau mana-mana juga masa dia masih hidup.
- ii. “Siapa” itu juga dimaksudkan pada orang yang terkemudian selepas Nabi wafat jika ia bermimpi berjumpa dengan Rasulullah SAW dalam tidurnya maka ia boleh melihat Nabi di akhirat nanti dan orang itu mendapat syafaat daripada Nabi Muhammad SAW.
- iii. Hasil daripada mimpi berjumpa dengan Rasulullah SAW di dalam tidur itu ia akan memperolehi di akhirat nanti.

² *Tafsir Fakhruzaazi, Jilid ke 9, muka surat 151.*



iv. Manakala syaitan tidak boleh menyerupainya pula, Imam Nawawi menyebut, Allah SWT menetapkan bahawa Nabi itu adalah benar dan apa yang diucapkan olehnya itu menjadi hukum. Perbuatannya juga menjadi hukum. Akhlak Rasulullah SAW juga menjadi hukum kerana itu Allah SWT menegah syaitan daripada menyerupai Rasulullah SAW dalam semua perkara itu supaya syaitan itu tidak berbohong atas nama Nabi Muhammad SAW sama ada di masa jaga atau dalam masa tidurnya. Kalaularsyaitan itu boleh menyerupai sebagai Nabi tentulah akan bercampur aduk antara kebenaran dan kebatilan sepetimana Allah SWT menegah syaitan itu daripada menyerupai Nabi dalam keadaan jaga begitu juga di tengahnya syaitan itu menyerupai Nabi di dalam mimpi³.

5. APAKAH SABIT HUKUM-HUKUM DARI MIMPI ORANG BIASA ?

Jawapannya tidaklah sabit dalam kitab-kitab fiqh akan satu-satu hukum dari mimpi orang biasa hatta kita dapat bahawa di kalangan sahabat Nabi seperti Abdullah bin Zaid dan Umar bin al-Khattab bermimpikan azan, seorang datang kepadanya mengajar azan apabila diberitahu kepada Rasulullah SAW akan perkara ini maka Nabi mengatakan⁴ :

فسمع ذلك عمر بن الخطاب وهو في بيته خرج بغير رداءه ويقول والذى يشك بالحق يا
 رسول الله (قوله لقد رأيت مثل ما رأى) فقال صلى الله عليه وسلم فلله الحمد (قوله فقل
 صلى الله عليه وسلم فلله الحمد) في رواية سبقت به الوحي وبها يندفع لا يزيد السابق بأن
 الأحكام لا ثبتت بالرؤيا .

³ Kitab Mirqat al-Masabih, Jilid 8, Hadis No. 4677, muka surat 382.

⁴ Hasyiah I'anat al-Tholibin, Juzuk 1, muka Surat 230



6. KESIMPULAN

Kesimpulan adalah seperti berikut:

- i. Mimpi seorang Rasul atau Nabi adalah wahyu menjadi hukum dan benar (*al-Haq*).
- ii. Mimpi orang ramai di zaman Rasulullah SAW seperti mimpi melihat Baginda dalam tidur ia dapat melihat Rasulullah SAW dalam masa jaga iaitu dalam masa ia masih hidup.
- iii. Mimpi orang Islam selepas wafat Rasulullah SAW, bermimpi berjumpa Rasulullah SAW maka ia akan berjumpa di akhirat nanti dan akan mendapat syafaat Rasulullah SAW.
- iv. Mimpi orang Islam itu ada tiga peringkat, peringkat pertama ialah bisikan jiwa, yang kedua godaan syaitan dan yang ketiga ialah mimpi khabar gembira dari Allah SWT. Mimpi orang bukan Islam adalah tertolak.
- v. Mimpi orang awam bukan hujah terhadap suatu hukum atau satu berita ataupun satu kenyataan.

Wassalam.



PERANAN MASJID DALAM PEMBANGUNAN **UMMAH**

PERANAN PEGAWAI MASJID DALAM MEMUPUK PEMBANGUNAN UMMAH

MUKADIMAH

Apabila Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, bangunan pertama yang didirikan oleh Rasulullah SAW itu ialah masjid yang dinamakan Masjid Nabawi. Tapak masjid itu diwakafkan oleh seorang sahabat Nabi bernama Abdullah bin Zaid dan pembinaan masjid itu dikongsikan oleh para sahabat dengan cara yang istimewa iaitu ada yang membawa kayu, batang tamar, pelepah tamar, batu-bata dan lain-lain bahan semampu yang ada pada mereka untuk pembinaannya. Dengan erti kata yang lain hampir-hampir semuanya terlibat dengan pembinaan Masjid Nabawi itu. Inilah yang dikehendaki oleh Rasulullah SAW daripada persyarikatan itu kerana tercetus darinya.

- i. Tanggungjawab.
- ii. Besar hati kepada sumbangan mereka.
- iii. Menimbulkan daya juang bagi mempertahankannya.
- iv. Amanah.
- v. Pengorbanan.

Dengan itu maka terbinalah dari perkongsian itu satu kelompok masyarakat yang secara langsungnya mempunyai hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Apakah ketika itu tidak ada sahabat-sahabat Nabi yang kaya seperti mana Rabi'ah Ibnu Amir yang pada malam datang Abdul Rahman bin 'Auf ke rumahnya ia sanggup memberi separuh daripada hartanya kepada Abdul Rahman bin 'Auf yang mana tercatit dalam sejarah bahawa beliau adalah orang yang terkaya di Madinah. Apakah orang yang sebegini tidak boleh menyumbangkan seluruh hartanya untuk membina masjid itu? Tetapi Rasulullah SAW tidak menganjurkan sedemikian malah Rasulullah SAW memberi peluang kepada para sahabatnya untuk



memberi sumbangan sekadar kemampuan mereka kepada Allah SWT itu. Ini bererti bahawa Rasulullah SAW telah memberi peluang kepada sahabat-sahabatnya untuk turut serta memberi apa juga yang ada pada mereka seikhlas-ikhlasnya, tentu sekali bukan untuk bermegah-megah, berbangga-bangga ataupun ada unsur-unsur yang menafikan ketakwaan. Maka ini sudah tentu berbeza sekali dengan pembinaan Masjid Dhirar yang dibina untuk bermegah-megah, berbangga-bangga dan tersemat ciri-ciri *nifaq*, lantaran itu Allah SWT sendiri memerintahkan masjid itu dibakar. Seperti mana firman Allah SWT dalam Surah at-Taubah, ayat 107.

PERANAN PEGAWAI-PEGAWAI PENGURUSAN MASJID

Bertolak daripada mukadimmah di atas maka terbayang dengan jelas peranan pegawai masjid yang menjadikan sifat ketakwaan itu bagi pengurusannya dengan fungsi utamanya adalah amanah yang dimaksudkan ialah amanah terhadap Allah SWT SWT. maka segala tingkah laku, hati nurani dan diri individu pegawai- pegawai tersebut yang bekerja kerana Allah SWT semata-mata . مخلصين له الدين Seorang yang beramanah kerana Allah SWT semata-mata, orang itu sentiasa ingat dan sedar bahawa kerja buatnya adalah diperhatikan oleh Allah SWT, jika kerja buatnya itu sentiasa diperhatikan oleh Allah SWT maka sudah tentu orang ini akan mengerjakan kerjanya dengan ikhlas kepada Allah SWT walaupun ia berada seorang diri (bersendirian) dan sifat orang yang sebegini sudah tentu tahan diuji, sentiasa komited, sentiasa waspada dan sentiasa tegas walaupun terhadap dirinya sendiri.

Pernah orang yang sebegini diuji oleh Saiyidina Umar bin al-Khattab, walaupun pemuda itu hanya pengembala kambing (mengambil upah daripada pengembala kambing orang kaya) Saiyidina Umar datang kepadanya dan menawarkan untuk memberi kambing-kambingnya. Kata Saiyidina Umar: “*Mahukah kamu menjual kambing-kambing kamu ini?*” Jawab pemuda pengembala kambing itu: “*Ini bukanlah*

kambing-kambing ku, aku hanya mengambil upah mengembalanya, dia kepunyaan orang lain tuanku ”. Kata Saiyidina Umar mengujinya: “Jika begitu senang katamu, kamu juallah kambing kamu ini dan katakan kepada tuan kamu nanti bahawa kambingnya hilang dimakan serigala, kamu tidak akan dimarahinya? kemudian boleh mendapat wangnya.” Kata pengembala kambing: *أَيْنَ اللَّهُ أَعْلَم* “Aku boleh membohonginya tetapi bagaimana aku hendak berbohong dengan Allah SWT nanti”. Lantas Saiyidina Umar memperkenalkan dirinya kepada pemuda itu dan Saiyidina Umar berbangga atas sikap amanah yang ada pada pengembala itu. Dalam hati Saiyidina Umar berkata: “Akan terus berbahagialah umat ini sekiranya pengembala kambing pun berpegang kepada amanah”.

Begitu juga seorang anak perempuan yang disuruh oleh ibunya mencampurkan air dengan susu. Kata si anak itu menjawab: “Bukankah Aminuruddin Saiyidina Umar melarang rakyatnya menjual susu bercampurkan air?”. Kata si ibu: “Manakah Umar di malam-malam suci ini?”, padahal Saiyidina Umar ada berdiri dekat rumahnya. Jawapan anak perempuan tadi: “Di mana Allah SWT? Di mana Tuan Umar? Jika kita dapat membohong dengan Umar tetapi bagaimana kita hendak berbohong dengan Tuhan Umar”.

Begitu tinggi sekali amanah rakyat Umar ketika itu walaupun pada penjual susu, mengagumi sifat amanah anak perempuan ini dan menghargainya maka di esok hari Saiyidina Umar memutuskan utusan untuk meminang si anak tadi. Sungguh tinggi amanah bagi anak perempuan itu maka selayaknya ia melahirkan seorang putera yang alim dan tinggi sifat amanahnya. Putera itu tidak lain dan tidak bukan ialah Saiyidina Umar bin Abd. Aziz, seorang yang terkenal sebagai seorang yang adil lagi amanah.

AMANAH TERHADAP SESAMA MANUSIA

Amanah yang dimaksudkan ialah melaksanakan amanah sesama



manusia, merangkumi segala aspek hidup sama ada berbentuk material ataupun berbentuk spiritual. Barang yang diamanahkan hendaklah dipulangkan, kenderaan yang dipinjamkan digunakan dengan penuh amanah, seekor unta yang hanya ditunggangi dua orang oleh tuannya maka jika ada orang yang meminjam unta itu hendaklah juga menunggangnya dengan dua orang sahaja. Sekiranya unta itu ditunggang lebih dari dua maka ia dinamakan pecah amanah. Jika sekiranya ia menjual sesuatu barang maka barang itu hendaklah diterangkan buruk dan baiknya, kiranya harganya RM200.00, hendaklah dijual dengan RM200.00 juga, tidak boleh lebih dan juga sudah tentu tidak boleh kurang sepetimana Abu Hanifah, Imam Besar dan seorang peniaga kain. Pada waktu sembahyang, ia meninggalkan kedainya untuk pergi bersembahyang dan diamanahkan kepada pembantunya.

Ketika itu datang seorang menawarkan untuk membeli kain di kedainya maka pembantu itu pun meletakkan harga lebih daripada 200 riyal dan pembeli itu dengan sukarela membayar lebih daripada 200 riyal kerana baginya masih murah lagi dengan harga yang ditawarkan itu. Apabila Abu Hanifah pulang ke kedainya maka diberitahu oleh pembantu kain itu dijual dengan harga yang lebih daripada 200 riyal. Abu Hanifah marah kepada pembantunya kerana menjual lebih daripada 200 riyal. Maka dicarinya pembeli itu hingga berjumpa, lalu dipulangkan wang yang lebih itu kepada pembeli.

Pembeli itu tidak mahu menerima pulangan sedemikian kerana ia menganggapkan bahawa harga yang dibeli itu masih lagi murah tetapi Abu Hanifah mengatakan bahawa kain yang diberi itu ada sedikit kerosakan maka harganya adalah 200 riyal sahaja. Pembeli itu mengatakan bahawa walaupun rosak, harga yang dibayar itu masih lagi murah pada pandangannya. Abu Hanifah mengatakan bahawa jika sekiranya pembeli tidak mahu menerima wang lebihan tadi, dia tidak mahu menjual kain itu dengan pembeli itu dan dia sanggup membayar semula iaitu yang dibuat oleh pembeli tadi kecualilah jika pembeli tadi

mahu menerima wang lebihan itu. Maka pembeli itu terpaksa menerima balik wang lebihannya itu. Begitulah tingginya Abu Hanifah sesama manusia walaupun di dalam Islam bahawa jual beli itu sah mengikut persetujuan masing-masing.

AMANAH TERHADAP DIRI SENDIRI

Kemampuan diri seseorang manusia itu ada hadnya, tidak boleh melampaui had fitrahnya. Makan, minum, tidur, bekerja dan beribadat ada mempunyai garis-garis panduan dan hadnya yang tertentu. Maka manusia tidak boleh memecahkan amanahnya dengan melaksanakan haknya itu. Sebab itulah Nabi bersetuju dengan Salman al-Farisi yang mana Salman al-Farisi ini mengajak Abu Darda' berbuka puasa sunat kerana Abu Darda' sudah mula tidak mempedulikan lagi isterinya Ummu Darda' kerana dia di siang hari berpuasa dan di malam hari bangun mengerjakan Qiamullail sehingga Ummu Darda' sudah tidak menghiaskan dirinya lagi. Pakaiannya comot dan diabaikan kebersihan dan kecantikan dirinya. Salman al-Farisi mengajak Abu Darda' tidur di malam hari ketika mana Abu Darda' ingin mengerjakan Sembahyang Sunat Qiamullail pada malam hari itu. Pada keesokan harinya Abu Darda' bercerita kepada Rasulullah SAW dan Rasulullah SAW bersetuju bahawa bagi mata seseorang ada haknya hendaklah ia tidur ketika mengantuk, bagi suami ada haknya terhadap isterinya hendaklah disempurnakan, bagi badan ada hak terhadapnya dan hendaklah ditunaikan haknya itu seperti mana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW itu.

DAYA JUANG

Selalunya harta-harta wakaf itu terbiar tidak ada orang yang ambil peduli, ambil kisah ataupun ambil berat. Kalau tanah itu tanah kubur maka terbiarlah kubur itu dengan rumput, lalang dan pokok-pokok kayu yang tumbuh liar. Jika wakaf itu masjid maka masjid itu tidak terurus,



kolahnya berlumut, halamannya penuh temucut (kemucup), maklum sajalah ia adalah wakaf untuk orang awan. Jika sekiranya di atas tanah itu ada pokok buah-buahan seperti rambutan, durian, buah kelapa ataupun buah-buahan yang lain, semua orang datang mengambilnya. Mungkin ada yang mencurinya, ada pula yang memetiknya mudah-mudah lagi dengan alasan ia adalah wakaf, hak orang ramai. Pada hal harta wakaf yang sebegini hendaklah dipelihara dijaga dan dihormati kerana hasilnya itu adalah untuk faedah orang Islam keseluruhannya. Kenapakah ia tidak dihormati? Kenapakah harta itu dibiarkan, tidak diambil peduli? Kenapakah masing-masing tidak ambil kisah berkenaan dengannya. Jawapannya kerana masing-masing tidak ada daya juang untuk mempertahankan wakaf. Kerana tidak ada daya juang inilah semua rupa bentuk wakaf am ini terbiar. Tidak ada pembelaan dan tidak ada siapa pun yang boleh dipertanggungjawabkannya. Bukankah ini terhakis sedikit demi sedikit daya juang umat Islam untuk membela masjidnya, tanah kuburnya dan *hasil mahsul* wakaf yang diwakafkan oleh orang yang terdahulu daripada mereka. Padahal Nabi ada bersabda bahawa wakaf yang diberi itu semasa hayatnya akan dapat pahala sewaktu pewakaf itu masih hidup dan selepas matinya.

KASIH SAYANG

Kenapakah wakaf-wakaf tadi terbiar tidak dibela atau masing-masing tidak mengambil kisah berkenaan dengannya. Jawapannya adalah kerana perkara itu adalah bukan sumbangan kita malah mungkin sumbangan orang asing ataupun mungkin orang itu telah pun mati. Tidak ada langsung sifat sayang kepada benda-benda ini ataupun tidak ada langsung penghargaan sumbangan yang telah diberikan maka dengan sebab itu Nabi Muhammad SAW telah menanam sifat kasih sayang di kalangan sahabatnya terhadap apa jua sumbangan yang diberi kepada jalan Allah SWT ini walaupun hanya sedikit. Rasulullah SAW tidak mahu sahabatnya hanya yang beberapa kerat sahaja yang berkurban dengan memberi sumbangan dan yang lain tidak mempedulikannya.

Sebaliknya Rasulullah SAW meminta kepada semua untuk memberi sumbangan bukan hanya kepada orang-orang kaya sahaja agar di hati mereka tertanam kasih kepada sumbangan yang diberikan itu.

TANGGUNGJAWAB

Apabila masing-masing kasih terhadap sumbangan yang diberikan maka masing-masing akan sanggup mempertahankan bentuk sumbangan itu maka itulah dinamakan tanggungjawab. Dengan sendirinya lahir rasa bertanggungjawab terhadap masjid yang mereka memberi sumbangan bahan-bahan dan sanggup pula menyumbang sumbangan sekaligus setiap mereka bertanggungjawab. Nabi sebagai pemimpin bertanggungjawab terhadap rakyatnya dan rakyat juga bertanggungjawab terhadap harta benda mereka. Tanggungjawab terhadap tanggungan mereka dan bertanggungjawab terhadap sumbangan daripada orang tua-tua mereka yang terdahulu. Itulah ciri-ciri peranan yang patut ada pada generasi yang kemudian khususnya dalam konteks masjid ini.

Wassallam.



PERANCANGAN DAN
PERLAKSANAAN
DI DALAM
KEHIDUPAN

MUKADIMAH

- Allah SWT itu Maha Penyayang sepermima sifatnya *ar-Rahman* dan *ar-Rahim* yang maksudnya kasih dan sayang dari Allah SWT telah kurniakan kepada makhluknya termasuk binatang buas akan sayang kepada anaknya, ibunya dan keluarganya seperti mana sabda Rasulullah SAW:

عن أبي هريرة رضي الله قال : سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول :
 (جعل الله الرحمة مائة جزء ، فأمسك عنده تسعه وتسعين وأنزل في الأرض
 جزءا واحدا ، فمن ذلك الجزء يترأحم الخلق ، حتى شرف الدابة حافرها عن
 ولديها خشية أن تصيبه)

Maksudnya: “Allah SWT telah mencipta sifat *Rahmat* (*kasih sayang*) itu seratus peratus. Allah SWT simpan 99 dan turunkan satu peratus ke bumi. Dengan *Rahmah* yang satu peratus itulah, makhluknya di bumi ini mengasihani antara dengan yang lain hingga binatang-binatang buas mengangkat kakinya (*daripada terpijak*) akan anak-anaknya.”

(*Riyad al-Solihin, Dalil al-Falihin, Jilid 2, muka surat 326*).

Lebih-lebih lagi kepada makhluknya yang bernama manusia diberi kepada mereka sifat kasih sayang yang mana sifat manusia itu seharusnya mensyukuri Allah SWT dengan berbakti kepadanya di samping berbakti kepada sesama manusia juga, seperti firman Allah SWT dalam Surah Isra’, Ayat 23 :

﴿ وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَإِلَّا لِوَالَّذِينَ إِحْسَنُوا إِمَّا يُلْفَغُ عِنْدَكُ الْكِبَرَ
 أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقُولْ لَهُمَا أَفِّ وَلَا تَنْهِهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قُلْ أَكَرِيمًا ﴾

Maksudnya: “Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau

tidak menyembah melainkan kepada-Nya, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada keduanya sekalipun perkataan ‘ah’, dan janganlah engkau menengking mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia.”

2. Dalam ayat ini bakti manusia kepada Allah SWT, penciptanya adalah dengan cara bersyukur atas nikmatnya yang tidak terhingga iaitu beribadat menyembah Allah SWT melalui ibadat tubuh badannya yang dinamakan ibadat *badaniah* juga dengan cara menghulurkan harta milik kekayaannya di jalan Allah SWT dinamakan cara ini ibadat *maliyah* berbakti kepada sesama manusia pula ialah berbakti kepada manusia yang paling hampir sekali kepadanya ialah dua ibu bapanya kerana orang tuanya atau ibu bapanya itu adalah orang yang banyak memberi kasih sayang kepadanya waktu ianya kecil, ibu bapanya yang memberi belaian kasih, makan minum dan pakaianya dan ibu bapanyalah pula yang mendidik, mengasuh, membelai dengan penuh kasih sayang, juga memberi pelajaran, jika semua itu dinilai dengan harta benda maka tidak ternilai dunia seluruhnya.

3. Kasih sayang ibu bapa, tanggungjawab dan sumbangan mereka itu hendaklah dibalas dengan setimpal pula iaitu dengan melahirkan kasih sayang juga yang tercetus di ungkapan dalam kalimah paling mudah dan kudus iaitu doa tiap-tiap pagi dan petang, malam dan siang. “*Dan rendahkanlah dirimu kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah: Wahai Tuhan! Kasihanilah mereka berdua sebagaimana mereka telah memelihara dan mendidikku semasa kecil*”, Surah Isra’, Ayat 24:



4. Ibu bapa yang telah pun memberi segala-galanya untuk mendidik, mengasuh anaknya bermula dari dalam kandungan lagi, lebih-lebih lagi selepas dilahirkan. Ibu bapa yang telah mewarnakan anak-anaknya dengan warna-warni hidup yang murni hingga mereka lahir orang yang menentukan masa depan anaknya dari segi ibadat, segi pendidikan, memilih kawan, memilih jodoh dan kadang-kadang memilih nama-nama yang baik untuk anak cucunya. Pendidikan yang berlaku dengan cara formal dan tidak formal ini, asuhan dengan segala bentuk asuhan dan didikan yang lain telah disempurnakan mengikut tanggungjawab yang diperintahkan kepadanya dari masa menamakan anak-anaknya itu hingga ke pemilihan jodoh, semuanya ini seharusnya dikenang oleh setiap anak-anak. Kiranya mereka menganggap itu adalah satu petanda kasih sayang ibu bapa terhadap mereka, maka sudah tentu anak ini akan membala jasa dan pengorbanan ibu bapa itu dengan balasan yang baik dan anak-anak akan berusaha, berikhtiar agar tidaklah berlaku penderhakaan kepada kedua ibu bapa kerana anak-anak ini tahu bahawa penderhakaan kepada kedua-dua ibu bapa itu adalah dosa yang besar kerana semua dosa ini akan dibalas dengan seksaan di akhirat nanti kecuali dosa terhadap penderhakaan kedua ibu bapa yang dibalas di dunia ini lagi sepertimana sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : كُلُّ الذُّنُوبِ يُؤْخَرُ
اللَّهُ مِنْهَا مَا شَاءَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ إِلَّا عَوْقَرَ الْوَالِدَيْنَ فَإِنَّ اللَّهَ يُعَذِّلُ لِصَاحِبِهِ فِي الْحَيَاةِ
فَبَلِ المَقَاتِ.

رواه الحاكم والأصحابي.

(كتاب الترغيب والترهيب للمنذري) جلد ٢، موكا سورة ٢٢.

Maksudnya: “Semua dosa dilewatkan Allah SWT balasannya di akhirat kecuali dosa menderhakai kedua ibu bapa, Allah SWT di segerakan balasannya di dunia ini lagi sebelum matinya”.



5. Dengan anak-anak ini melaksanakan tanggungjawab kasih sayang, bertimbang rasa dan budaya ambil berat mereka terhadap kedua ibu bapa mereka sudah tentu lahirlah dalam satu keluarga yang kecil ini yang terdiri daripada ibu bapa, anak-anak sebagai masyarakat pengasih dan penyayang. Kiranya diperbesarkan tentulah masyarakat kecil tadi menjadi sebuah masyarakat besar dan akan lahirlah masyarakat besar yang penyayang di antara konteks sebuah negara.

6. MASYARAKAT BESAR

Kiranya asas-asas murni, nilai tinggi iaitu sifat kasih sayang yang dibentuk oleh ibu bapa itu dipupuk oleh anak-anak mereka kemudiannya hinggalah lahir anak-anak yang bersyukur dan berterima kasih maka anak-anak ini juga akan berterima kasih kepada sesama mereka dalam mana mereka akan menghormati jiran, menghormati orang tua-tua, menghormati ketua-ketua, menghormati pemimpin, menghormati ulamak-ulamak dan akhirnya menghormati warga-warga lain, duduk dengan aman damai bersama-sama mencari rezeki, mencari keamanan, kesejahteraan dan kesentosaan sudah tentu masyarakat itu akan membesar, tegak dan dihormati. Dalam pembentukan masyarakat yang besar ini ada lima perkara asasi yang mestи dijagai, disemai dan dipupuk. Dengan lima perkara itu ia akan melahirkan satu masyarakat yang besar yang penyayang, yang penyantun, kasih sayang, aman dan berbudaya tinggi dan murni. Lima perkara itu ialah :

- i. Pembentukan akhlak umat yang akan mencerminkan ketinggian, kemurniaan dan keunggulan.
- ii. Minda yang bersih dan sempurna.

- iii. Kepercayaan kepada penciptanya.
- iv. Budaya yang tinggi, sempurna dan teratur, terpimpin dengan disiplin-disiplin yang baik yang akhirnya umat yang mempunyai peraturan-peraturan hidup yang paling baik yang diturunkan oleh Tuhan pencipta alam maya ini dan umat itu percaya dengan kata-kata kudus “ Langit di junjung, bumi di pijak ”.
- v. Berilmu.

7. KELUARGA MENGIKUT PRINSIP ISLAM

Agama Islam adalah agama Allah SWT, diturunkan untuk mengatur keperluan manusia dalam hal ehwal kehidupannya sama ada dalam bidang ibadat, muamalat, munakahat dan jenayah demi untuk kebahagian dan kesejahteraannya di dunia dan di akhirat.

Islam telah memperincikan pembentukan kekeluargaan dan memberi perhatian yang menyeluruh terhadapnya hingga kita dapati semua perkara kekeluargaan telah dibincangkan oleh Islam dengan secara terperinci sekali bermula dengan akad nikah iaitu suatu ikatan yang terlalu suci dan mulia dimulai dengan kalimah Allah SWT dan di dalam al-Quran ia dinamakan *mithaq* iaitu suatu piagam yang amat kukuh. (Surah An-Nisa' :21)

8. GALAKAN ISLAM TERHADAP PERKAHWINAN

Islam sesuai dengan sifatnya sebagai agama fitrah. Seluruh peraturan syariatnya tidak pernah didapati bercanggah dengan fitrah manusia itu seperti makan dan minum.



Islam memberi garis panduan yang perlu untuk manusia dalam makan dan minum, bagaimana hendak memulakan makan dan minum, apa yang boleh dimakan dan perkara apa pula yang tidak boleh dimakan, sekadar mana seseorang itu memerlukan makanan dan minumannya, apa pula yang patut dilakukan sekiranya makanan dan minumannya berlebihan, waktu mana perlu makan dan minum dan apa tujuannya seseorang itu perlu makan dan minum. Bukankah semua itu untuk mengatur manusia di dunia ini bagi memenuhi kehendak fitrahnya berlandaskan kepada agamanya.

Begitu juga fitrah atau naluri berkelamin, naluri ini adalah sesuatu fitrah penting yang dijadikan Allah SWT pada manusia. Islam telah mengawal naluri ini, sekiranya ia tidak dikawal, maka ditakuti manusia itu berubah sifatnya menjadi haiwan yang sekaligus akan merosakkan akhlak dan kehidupan manusia sendiri. Peraturan perkahwinan Islam adalah semata-mata untuk mengawal naluri manusia ini demi untuk kebaikan hidup mereka juga. Sekiranya tidak terdapat sebarang peraturan untuk diikuti dalam perkahwinan manusia ini, maka sudah tentu tindak-tanduk manusia dalam memenuhi kehendak fitrahnya itu tidak ubah seperti binatang, maka waktu itu manusia tidak sesuai lagi untuk menjadi makhluk pilihan Allah SWT yang mulia, tinggi dan terbaik di dunia ini.

Untuk mengawal fitrah manusia, Allah SWT menggalakkan manusia supaya berkahwin (Surah An-Nur:32), Rasulullah SAW juga menggalakkan perkahwinan di kalangan umatnya, di antaranya ialah hadis-hadis yang bermaksud:

- i. Wahai golongan anak-anak muda, jika sekiranya kamu berkemampuan, hendaklah kamu berkahwin kerana perkahwinan itu lebih menjamin dirimu daripada memandang yang haram dan juga daripada perbuatan zina dan sekiranya

kamu tidak mampu, maka hendaklah kamu berpuasa kerana puasa itu adalah pendinding.

- ii. Dunia ini adalah keseluruhannya hiasan, sebaik-baik hiasan ialah isteri yang solehah.
- iii. Berkahwin itu adalah sebahagian daripada ajaranku (sunnahku), sesiapa yang benci dengan sunnahku, maka ia bukan daripada golonganku.
- iv. Sesiapa yang berkahwin bererti ia menyempurnakan sebahagian daripada agamanya, maka hendaklah ia takutkan Allah SWT pada separuh lagi.

Di samping menggalakkan perkahwinan, Islam tentang keras golongan yang cuba lari daripada perkahwinan, ia golongan yang mengutamakan hidup membujang tanpa sebab-sebab Syarie. Ini jelas daripada sebuah hadis yang bermaksud :

“Anas bin Malik meriwayatkan serombongan sahabat Nabi SAW datang ke rumah Baginda bertanyakan tentang ibadat Baginda Rasulullah SAW, isteri-isteri Baginda menjawab soalan-soalan itu, mereka beranggapan bahawa ibadah itu terlalu sedikit bagi mereka kerana kata mereka kita tidaklah sama dengan Rasulullah SAW yang bersifat maksum itu. Antara mereka mengatakan akan bersembahyang tahajud sepanjang malam dan tidak akan tidur, ada pula yang menyatakan akan berpuasa sepanjang tahun dan ada pula menyatakan aku akan menjauhi perempuan dan aku tidak akan berkahwin selama-lamanya. Setelah Rasulullah SAW mengetahui peristiwa itu, lantas Baginda pergi kepada mereka.

Baginda bersabda - “Kamukah yang mengucapkan kata-kata di atas? ”
Demi Allah SWT akulah manusia yang paling takut kepada Allah SWT tetapi adakalanya aku berpuasa sunat dan adakalanya tidak. Pada



waktu malam aku bersembahyang dan aku tidur. Aku berkahwin dan punya anak. Barangsiapa tidak menyukai sunnahku, sesungguhnya ia bukan dari golonganku. Selain daripada bertujuan untuk mengekalkan keturunan dan membiakkan umat, tujuan digalakkan berkahwin di dalam Islam ialah untuk mengelakkan perbuatan zina.”

Firman Allah SWT :

وَلَا نَقْرِبُوا الْزِنَّةِ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا ٢٢

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat. ”.
(Surah Isra’:32)

Banyak terdapat hadis-hadis Rasulullah SAW yang mengutuk perbuatan zina itu. Sabdanya:-

- i. Sesiapa yang berzina atau minun arak ditanggalkan oleh Allah SWT imannya seperti manusia menanggalkan bajunya dari sebelah kepala.
- ii. Orang yang meneruskan perbuatan zina sama seperti penyembah berhala.
- iii. Sentiasa umatku dalam keadaan baik selagi tidak lahir di kalangan mereka anak zina.
- iv. Umatku sentiasa dalam kebaikan selagi maksiat zina tidak berleluasa di kalangan mereka. Apabila perbuatan zina merebak di kalangan mereka, maka hampirlah Allah SWT menurunkan azab yang menyeluruh ke atas mereka.

HUKUM BERKAHWIN

Perkahwinan pada asalnya adalah sunat muakkad (sangat dituntut oleh Syarak) tetapi bagi seseorang individu itu hukumnya berbeza seperti berikut:

Wajib	seorang yang mampu untuk berkahwin mampu menyediakan nafkah, nafsunya mendesak, jika sekiranya ia tidak berkahwin, maka ia terjerumus ke lembah penzinaan. Maka wajiblah ia berkahwin.
Sunat	seorang yang mampu, nafsunya telah mendesak tetapi ia dapat menahan dirinya daripada berbuat zina. Perkahwinan bagi golongan ini adalah sunat kerana hidup membujang adalah seperti ahli agama nasrani.
Haram	seorang yang tidak mampu memberi nafkah zahir dan batin dan nafsunya tidak mendesak.
Makhruh	seorang yang lemah syahwatnya dan tidak mampu memberi nafkah kepada isterinya walaupun isterinya kaya dan tidak berkeinginan.
Mubah	seorang yang tidak didesakkan oleh alasan yang mewajibkan atau seseorang yang tidak ditegah oleh alasan yang mengharamkan.

9. PANDUAN ISLAM DALAM MEMILIH ISTERI ATAU SUAMI

Kebahagiaan, keharmonian dan kerukunan rumah tangga bermula lebih awal iaitu pada peringkat membuat pilihan bakal pengantin lagi.

Asas pemilihan adalah penting, sekiranya neraca pilihan tidak betul



maka kebahagian, keharmonian dan kerukunan yang diharapkan sukar untuk diperolehi dan gagal.

Perkara utama yang harus dijadikan asas oleh bakal suami dan isteri dalam memilih pasangan hidup ialah agama, budi dan akhlak.

Sabda Rasulullah SAW: “*Perempuan itu dikahwini dengan sebab kecantikannya, hartanya, keturunannya dan agamanya, maka hendaklah kamu mengutamakan yang beragama (berpegang kepada agamanya) pasti kamu beruntung.*”.

Hadis ini pada zahirnya ditujukan kepada kaum lelaki sahaja tetapi pengajarannya melibatkan juga pihak perempuan dalam memilih bakal suami mereka. Tuntutan hadis ini supaya lelaki mengutamakan wanita yang berpegang kepada ajaran agama secara tidak langsung menghendaki wanita itu mendalami ajaran agama dan mematuhiinya, sekaligus menggesa ibu bapa mementingkan ajaran agama kepada anak-anak mereka.

Agama Islam tidaklah mengenepikan sama sekali asas-asas lain seperti kecantikan, harta dan keturunan sebagai asas memilih isteri atau suami tetapi apa yang dimaksudkan ialah seseorang itu janganlah menjadikan kecantikan itu satu-satunya sebagai asas utama, begitu juga kerana harta dan keturunan tanpa mempedulikan langsung soal agama, budi dan akhlak bakal isteri atau suami kerana agama Islam tidak suka perkahwinan yang merupakan suatu ikatan yang suci dibina di atas asas yang begitu lemah, rapuh dan tidak berkekalan. Akhirnya ditakuti perkahwinan itu akan runtuh, pecah dan bercerai kerana perkahwinan yang diasaskan atas alasan kecantikan, kerana harta dan kerana keturunan semata-mata, maka ia akan runtuh, berpisah dan bercerai dengan hilangnya asas-asas itu.

Mungkin juga wanita atau lelaki yang tidak berpegang kepada ajaran agama akan mudah melakukan curang kepada pasangannya lebih-lebih lagi kiranya ia mempunyai paras yang cantik, lawa dan kacak di samping punya harta yang banyak dan ditambah dengan keturunan yang mulia pula. Seperti Sabda Rasulullah SAW.

“Janganlah kamu kahwini perempuan kerana kecantikannya semata-mata kerana kecantikannya itu mungkin akan menyebabkan mereka berlaku curang, dan janganlah kamu kahwini perempuan kerana kekayaan semata-mata kerana kekayaannya itu mungkin menyebabkan dia sompong dan bongkok. Kahwinilah perempuan itu kerana agamanya. Sesungguhnya seorang hamba berkulit hitam tetapi beragama adalah lebih baik untuk dikahwini”.

Sekiranya terdapat kekayaan, kecantikan dan keturunan di samping budi dan akhlak, maka itulah sebaik-baik pilihan, bersyukurlah mereka mendapatinya.

Juga ada ciri-ciri lain yang patut dititikberatkan iaitu:

- a. Besar keluarga itu yang bermaksud si ibunya mempunyai anak-anak yang banyak.
- b. Dalam keluarga itu terdapat anak-anak yang cerdik, pintar dan cerdas.
- c. Tidak ada kecacatan fizikal dan otak dengan sebab warisan.
- d. Juga sebaik-sebaik dari keluarga yang jauh atau tidak ada hubungan darah antara kedua pihak.



10. PERKENALAN DAN PEMINANGAN

Setelah seseorang itu berpuas hati dengan sifat-sifat, asas-asas dan perkara utama yang ada pada bakal teman hidupnya, maka langkah seterusnya ialah melamar dan meminang yang di dalam istilah fiqh disebut *khitbah*. Sebelum dilamar atau dipinang, Islam menggalakkan bakal suami atau isteri mengenali terlebih dahulu antara satu sama lain. Perkenalan ini bolehlah dilakukan dengan cara melihat, bercakap atau menulis melalui saluran yang diharuskan oleh Islam.

Telah diriwayatkan oleh seorang sahabat bernama al-Mughirah meminang seorang perempuan yang belum dikenalinya, Rasulullah SAW menyuruhnya melihat dahulu dengan sabdanya:

“Lihatlah dahulu kepadanya supaya dengannya perkahwinan kamu lebih terjamin berkekalan”.

Di dalam hadis yang lain Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Jika seseorang daripada kamu hendak meminang seseorang perempuan, jika ia berkemungkinan melihat dahulu apa-apa yang boleh menjadi tarikan kepada perkahwinan itu, maka bolehlah ia melakukannya”.

Berdasarkan kepada hadis ini, ulamak fiqh mengambil kesimpulan bahawa sunat bagi seseorang itu melihat dahulu perempuan yang akan dipinangnya. Bahagian yang boleh dilihat ialah yang tidak dianggap aurat iaitu muka dan dua tapak tangan hingga pergelangan tangan dan dua tapak kaki hingga ke buku lali. Perempuan pula boleh melihat bakal suaminya pada bahagian-bahagian yang bukan auratnya.

11. PERTUNANGAN

Setelah kedua belah pihak berpuas hati dengan bakal pasangan hidupnya, maka langkah seterusnya ialah “pertunangan”. Yang dimaksudkan dengan pertunangan ialah persetujuan antara dua pihak untuk melangsungkan perkahwinan di satu masa nanti (akan datang). Apabila seseorang itu dalam pertunangan, maka haramlah ia dipinang oleh orang lain seperti sabda Rasulullah SAW *“Janganlah seseorang di antara kamu meminang di atas pinangan saudaranya hingga ia ditinggalkan atau diizinkan oleh tunangnya.”*

Hubungan di antara dua orang di peringkat pertunangan ini adalah terbatas sekali, kedua-duanya masih dianggap orang asing (ajnabi & ajnabiah), masih haram berdua-duan di mana-mana pun juga.

Sabda Rasulullah SAW: *“Apabila seorang lelaki dengan seorang perempuan berdua- duan di tempat yang sunyi, maka syaitanlah yang ketiganya (menggoda)”*.

Sabda Baginda lagi: *“Sesungguhnya ditikam kepala kamu dengan besi tajam itu adalah lebih baik daripada menyentuh perempuan yang tidak halal bagi kamu”*.

Juga masih haram bergaul bebas antara pasangan yang bertunang itu, kerana di antara punca keruntuhan akhlak ialah mengandung di luar nikah, nikah pak sanggup, adalah kerana berdua-duan bergaul bebas, keluar masuk, berjanji dan berjumpa di peringkat bertunang inilah.



12. CADANGAN

Bagi mengelakkan perbuatan yang bercanggah dengan hukum Islam ini dan bagi mengelakkan dari berlakunya perbuatan terkutuk itu, maka ada baiknya akad nikah dilangsungkan semasa upacara pertunangan dirasmikan dan dalam masyarakat Melayu, upacara ini dikenali sebagai nikah gantung.

13. AKAD NIKAH

Di antara lelaki yang penting dalam perkahwinan ialah persetujuan perempuan, walinya dan lelaki untuk mengikat hidup berkeluarga persetujuan, kerelaan dan keizinan itu apabila sudah didapati, maka ianya perlu ditukar dengan kata-kata yang mana dikenali dengan ijab dan *qabul*. Sebagai penghargaan terhadap kaum wanita. Islam mewajibkan kaum lelaki memberikan pemberian yang berupa benda atau yang berupa faedah yang dipanggil *mahar*, yang berhak kepada *mahar* itu ialah wanita (perempuan) itu sendiri.

Dalam menentukan mas kahwin (*mahar*) ini adalah terletak kepada wanita (anak dara) atau pihaknya. Islam memandang mulia mas kahwin yang rendah kerana ia adalah di antara tanda-tanda keberkatan dan kebaikan seseorang perempuan itu.

Sabda Rasulullah SAW: “*Sebaik-baik perempuan ialah mudah dan ringan hantaran perkahwinannya, dari tanda-tanda keberkatan perempuan itu cepat berkahwin dan ringan (rendah) mas kahwinnya.*”

Berdasarkan kepada roh syariat Islam, hadis di atas bermaksud perkahwinan itu dipermudahkan serta dipercepatkan bagi memelihara kesucian gadis-gadis dan kaum wanita daripada tercebur ke lembah maksiat juga supaya tidak ada berlaku anak

dara tua, teruna terlajak dan janda-janda yang tidak terbelia.

Seperti Sabda Rasulullah SAW: “*Apabila seseorang yang beragama datang meminang, maka hendaklah kamu terima, jika tidak ditakuti akan berlaku fitnah dan kerosakan yang besar.*”

Dari itu adalah jelas sesuatu yang bertentangan dengan syariat dan budaya Melayu kecenderungan setengah pihak dalam masyarakat Islam hari ini yang menyebabkan kaum lelaki (terutamanya) dengan mewajibkan hantaran belanja yang banyak dan tinggi hingga menghantui mereka itu hingga menjadikan perkahwinan itu satu perkara yang amat sukar dan sangat-sangat membebankan.

14. PERANAN SUAMI ISTERI

Rumahtangga yang didirikan atas perjanjian yang dimeterai dengan kalimah Allah SWT bertujuan untuk membentuk generasi yang sebaik-baiknya, generasi al-Quran, generasi yang membina, membangun dan membentuk masyarakat dan ummah untuk mencapai matlamat, objektif dan tujuan yang besar, mulia dan murni ini. Islam telah menggariskan beberapa perkara yang disebut sebagai peranan atau tanggungjawab suami isteri dan seharusnya semua pihak mengetahui tanggungjawab ini.

15. TANGGUNGJAWAB (PERANAN) BERSAMA

Islam menyerahkan tanggungjawab yang lebih sedikit kepada suami. Suami menjadi pemimpin dalam rumahtangganya sebab suami diberi dua perkara :

Pertama: Perbelanjaan rumahtangga (isteri dan anak-anak).

Kedua: Sifat semulajadinya seperti kuat tubuh badannya, azamnya, keberaniannya, kesabarannya dan pandangan jauhnya.



Sungguhpun pimpinan rumah tangga dipertanggungjawabkan kepadanya, tetapi dalam melaksanakan tugas-tugas rumah tangganya itu, Islam menghendaki suami melaksanakannya secara *musyawarah* itu dengan berbincang dan melaksanakannya selepas *musyawarah* dan keputusan diambil seperti firman Allah SWT: “*Dan urusan mereka diputuskan dengan musyawarah di antara mereka*”.

16. TANGGUNGJAWAB SUAMI

Lelaki sebagai ketua dalam rumah tangga mempunyai beberapa tanggungjawab sebagai amanah dari Allah SWT yang harus ditunaikan, antara tanggungjawab itu ialah:

- i. Menanggung semua perbelanjaan rumah tangga sekadar kemampuannya. Kewajipan ini wajib dipikul oleh suami sekali pun isteri mempunyai harta dan pekerjaan. Kiranya isteri memberi sumbangannya dalam menampung perbelanjaan rumah tangga mereka, itu adalah sedekah dan sudah tentu mendapat ganjaran pahala yang besar dari Allah SWT. Setiap suami wajib berusaha dengan bersungguh-sungguh menunaikan tanggungjawab ini kerana mengabaikan tanggungjawab ini merupakan satu dosa yang besar juga digelar sebagai seorang yang nusyuz.

Rasulullah SAW bersabda: “*Cukup besar dosanya kamu tidak menunaikan nafkah kamu kepada keluarga kamu*”.

- ii. Melayani isteri dengan cara yang baik, lemah lembut dan beradab.

Rasulullah SAW bersabda: “*Suami yang baik ialah suami yang melayani isteri dengan baik tidak dicela kecuali suami yang selalu mencela isterinya*”.

- iii. Bersikap adil terhadap isteri atau isteri-isterinya (jika sekiranya mempunyai isteri lebih daripada satu).

Rasulullah SAW bersabda: “ *Sesiapa yang mempunyai dua orang isteri, kemudian ia tidak berlaku adil di antara keduanya, dibangkitkan ia pada hari kiamat dengan keadaan badannya condong* ”.

17. TANGGUNGJAWAB ISTERI

Isteri sebagai orang yang kedua dalam rumah tangga juga mempunyai tanggungjawab yang berat yang mesti ditunaikan dalam menjaga keharmonian rumah tangganya. Antara tanggungjawabnya ialah:

- i. Menyerah diri sepenuhnya kepada suami dan mentaatinya dalam semua perkara kecuali perkara yang bertentangan dengan hukum Syarak. Maksud menyerah diri itu ialah :
 - a. Tidur dengan suaminya seperti maksud hadis:

“Apabila seseorang perempuan itu tidak mahu tidur dengan suaminya, akan dilaknat dia oleh Malaikat hingga ke pagi”
 - b. Memelihara kesucian dirinya, rumah tangganya.
 - c. Memelihara harta benda suaminya, hak suaminya.
 - d. Tidak membawa masuk orang-orang yang tidak disukainya.
 - e. Berjalan bersama suaminya, tidak keluar rumah melainkan dengan izin dan tidak bermusafir seorang diri.

Rasulullah SAW bersabda: “ *Sesungguhnya kamu (lelaki) mempunyai hak yang wajib ditunaikan dan isteri-isterimu*

juga mempunyai hak yang wajib ditunaikan iaitu tidak membenarkan orang yang kamu tidak suka berada di tempat tidur atau di rumah kamu”.

18. PERANAN SUAMI ISTERI TERHADAP ANAK-ANAK

Suami isteri atau akhirnya menjadi ibu bapa mempunyai peranan terhadap anak-anak mereka iaitu:

- i. Memberi nama yang baik kepada anak-anak mereka kerana nama itulah akan dipanggil di akhirat.
- ii. Memberi pendidikan kepada mereka, termasuk pendidikan rohani dan jasmani.
- iii. Memilih ibu bapa yang baik-baik untuk mereka.

Firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman, pelihara, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu”.

Ibnu Abbas berpendapat maksud ayat ini ialah tunaikanlah kewajipanmu terhadap Tuhanmu, jauhi perbuatan maksiat, kerana perbuatan maksiat itu adalah perbuatan yang akan membawa kepada kemusnahan terhadap diri, anak dan keluargamu. Perintahkanlah anak-anak kamu dan isterimu melaksanakan kewajipan atau perintah Allah SWT dan menjauhi larangannya. Ini semua menjadi pelindung bagimu dan keluargamu dari azab neraka.



Diterbitkan oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 48, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
Tel: 04 263 2975 Faks: 04 263 2985
Web: <http://mufti.penang.gov.my>